# PELAN ANTIRASUAH

## KERAJAAN JOHOR (JACP) 2021-2025

# PELAN ANTI RASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP)

2021 - 2025

Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025

PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR ‹2021-2025›

# PELAN ANTI RASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP)

## 2021 - 2025

PELAN ANTI RASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP) 2021 - 2025

**Cetakan Pertama - Januari 2021**

**Hak Cipta Terpelihara.**

Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa izin daripada penerbit.

Penerbit :
**Unit Integriti**
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor,
Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad
Kota Iskandar
79000, Iskandar Puteri
Johor Darul Takzim

**ISBN 978-983-2627-29-6**

# Isi kandungan


Bab **1** > **PENGENALAN**

| | |
|---|---|
| 16 | Latar belakang |
| 17 | Isu dan Cabaran |
| 19 | Analisis Penilaian Risiko |
| 20 | Bidang-bidang Berisiko |

Bab **2** > **RENCANA MASA HADAPAN**

| | |
|---|---|
| 24 | Jalinan Masa Kini dan Hadapan |
| 27 | Teknologi dalam Inisiatif Antirasuah |
| 30 | Senario Antirasuah Tahun 2030 |
| 34 | Gambaran Umum Prinsip dan Kegusaran Bersama |
| 35 | Menerokai Peluang yang Wujud |
| 36 | Pewujudan Risiko |
| 37 | Perkara yang Perlu Diberi Perhatian |

Bab **3** > **MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH PENTADBIRAN AWAM JOHOR**

| | |
|---|---|
| 40 | Pendekatan Umum |
| 41 | Sesi Keterlibatan Pemegang Taruh |
| 42 | Kerangka Pelan Antirasuah Kerajaan Johor |
| 42 | Mengenai Kerangka Pelan |
| 45 | Analisis ke atas Maklumat Rasuah di Malaysia |
| 46 | Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia |
| 47 | Laporan/ Statistik Kesalahan Tatatertib Penjawat Awam Negeri Johor |
| 48 | Analisis Kuadran |
| 49 | Keutamaan Strategi : Penekanan 21 Inisiatif |
| 50 | Strategi 1-5 |

Bab **4** > **PEMATUHAN DAN TABBIR URUS**

| | |
|---|---|
| 70 | Koordinasi Pemantauan |
| 71 | Mekanisme Pelaksanaan |
| 72 | Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian |

Bab **5** > **RUMUSAN**

| | |
|---|---|
| 74 | Rumusan |
| 75 | Sesi Keterlibatan Pemegang Taruh |
| 81 | Penghargaan dan Terima Kasih |
| 82 | Pasukan Penyunting |
| 83 | Pemakluman |



# AMANAT
## YAB MENTERI BESAR JOHOR

Assalamualaikum wbt.
Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Pelan Antirasuah Kerajaan Johor atau dikenali dengan nama Johor Anti-Corruption Plan (JACP) 2021-2025 berjaya dibangunkan.

Bangsa Johor yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza, berbilang kaum, bangsa dan agama akan terus menikmati pembangunan dengan lebih adil dan saksama serta hidup harmoni dan sejahtera. Kerajaan Johor akan terus komited bagi terus merealisasikan harapan dan juga aspirasi rakyat terhadap pentadbiran kerajaan Johor.

**"Keutamaan saya adalah Pentadbiran Awam Kerajaan Johor yang melaksanakan program pembangunan negeri dengan lebih cekap dan pantas yang disulami dengan nilai-nilai integriti yang tinggi dalam meneruskan misi menjadikan negeri Johor sebagai negeri berprestasi tinggi."**

Pelan ini direalisasikan selepas mengambil kira pandangan daripada pemegang taruh untuk membolehkan Pentadbiran Awam Kerajaan Johor melaksanakan strategi ke arah pentadbiran berintegriti dan antirasuah. Pentadbiran yang berlandaskan ketelusan, tanggungjawab dan integriti akan menghasilkan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang dilakukan oleh kerajaan. Komitmen dalam memerangi jenayah rasuah yang dilaksanakan secara inklusif juga akan mewujudkan teladan dan budaya individu yang tidak mengamalkan rasuah.

Besar harapan saya dengan pembangunan JACP 2021-2025 ini berupaya meningkatkan keyakinan rakyat serta menambah baik tadbir urus Pentadbiran Awam Kerajaan Johor seterusnya mengekang berlakunya salah guna kuasa, ketirisan dan juga rasuah.

Saya juga berharap semua Ketua Jabatan digesa untuk bersama-sama menghayati, mendalami dan mendukung kebertanggungjawaban dan amanah dalam setiap inisiatif yang berkaitan dengan portfolio dan bidang kuasa jabatan masing-masing supaya objektif JACP 2021-2025 ini tercapai dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

**DATO' HAJI HASNI BIN MOHAMMAD**
**MENTERI BESAR JOHOR**

# PENYATAAN KOMITMEN
## SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

**"Segala inisiatif yang telah dirancang akan dilaksanakan bersama-sama pihak berkepentingan dan warga Pentadbiran Awam Kerajaan Johor dengan telus, penuh bertanggungjawab dan berintegriti bagi memastikan kejayaan Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 ini."**

Assalamualaikum wbt.

Pelan Antirasuah Kerajaan Johor atau Johor Anti-Corruption Plan (JACP) 2021-2025 merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen Pentadbiran Awam Kerajaan Johor untuk membanteras gejala rasuah dalam perkhidmatan pentadbiran Kerajaan Negeri.

Sesi perbincangan dan bengkel pembangunan penyediaan pelan ini telah dijalankan bersama dengan pegawai-pegawai kanan daripada semua jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Awam Kerajaan Johor dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Johor. Alhamdulillah dengan kerjasama yang sangat komited daripada semua jabatan, kerangka dasar dan strategi dapat diwujudkan sebagaimana dalam JACP 2021-2025 ini.

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 menjadi sumber rujukan utama dalam pembangunan JACP 2021-2025. JACP 2021-2025 ini akan meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan dengan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani.




Turut dijadikan rujukan dalam pembangunan JACP 2021-2025 ini adalah Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Unit Audit Dalam, Laporan Kesalahan Tatatertib Penjawat Awam Negeri Johor, Sistem Pengurusan Audit Nilai, Sistem Pengurusan Aduan Awam, Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan juga daripada sumber jabatan dan agensi yang telah melaksanakan *Corruption Risk Management (CRM)*, Pelan Strategik dan juga Pengurusan Risiko.

Komitmen dan kerjasama semua pihak dalam memastikan segala inisiatif yang telah dirancang dapat dilaksanakan supaya mencapai hasrat dan impian yang diharapkan. Semoga dengan langkah ini, keyakinan rakyat akan meningkat terhadap perkhidmatan Pentadbiran Awam Kerajaan Johor.

Semoga JACP 2021-2025 ini dapat menjadi panduan khususnya kepada semua warga Pentadbiran Awam Kerajaan Johor, pada masa yang sama menunjukkan komitmen dan sokongan bagi memecah rantaian rasuah daripada terus berlaku.

Sekian, terima kasih.

**DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI**
**SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**

INDEKS PERSEPSI RASUAH MALAYSIA

# Malaysia Lonjak ke Tangga 51

Inisiatif kerajaan dalam membongkar pelbagai skandal meliputi agensi pelaburan berkepentingan awam, pasca peralihan tampuk pemerintahan dikenal pasti antara pemacu utama ke arah kejayaan Malaysia memperbaiki reputasi dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2019.

**Indeks global membabitkan 180 negara di seluruh dunia itu menyaksikan Malaysia melonjak ke tangga ke-51 pada 2019, berbanding berada di kedudukan ke-61 pada 2018, selain mencatatkan peningkatan skor sebanyak enam mata kepada 53, berbanding 47.**

Pemulihan imej Malaysia didorong tindakan tuntas kerajaan dalam merungkai isu-isu berkaitan integriti. Percaturan sehingga mengembalikan keyakinan terhadap urus tadbir kerajaan itu tidak terhenti, sebaliknya momentum berkenaan diteruskan menerusi siri penahanan beberapa pemimpin politik yang kemudiannya berdepan dengan pendakwaan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berikutan tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram.

Faktor lain yang mempengaruhi peningkatan CPI Malaysia ialah kebebasan media supaya mereka boleh membongkar kes atau skandal mega, demi kepentingan awam, sekali gus membantu memperbaiki persepsi dalam kalangan masyarakat dan pelabur.

Usul supaya anggota kerajaan mengisytiharkan aset masing-masing, termasuk pemimpin politik dan ahli Parlimen turut membantu memperbaiki reputasi Malaysia, selain mengekalkan keputusan untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) diterajui anggota pembangkang.

Selain itu, tekad Putrajaya menggubal dan mewartakan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 adalah antara pendorong utama kejayaan ini.

Skor CPI ditentukan mengikut 13 tinjauan dan penilaian daripada pakar bersandarkan tahap persepsi rasuah dalam sektor awam negara, mengikut skala antara sifar yang dianggap paling rasuah dan paling bersih, 100.

Kedudukan pertama dalam CPI 2019 diraih dua negara yang masing-masing mencatatkan skor 87, iaitu New Zealand dan Denmark, disusuli Finland (86), manakala tempat ketiga dikongsi Singapura, Sweden serta Switzerland.

Negara yang dibelenggu pertelagahan, peperangan dan konflik, iaitu Somalia, Sudan Selatan, Syria, Yaman serta Venezuela pula berada di kedudukan lima terbawah dalam CPI 2019.

SUMBER :
Corruption Perceptions Index 2019, Transparency International

Pegawai yang paling terlibat dengan rasuah berdasarkan peratusan responden




Pernahkah anda memberi rasuah kepada pegawai ** dalam tahun kebelakangan ini?




* termasuk pegawai di Pejabat Perdana Menteri
** enam bentuk perkhidmatan : sekolah awam, hospital, Jabatan Pendaftaran & Imigresen, Perkhidmatan Utiliti, Polisi & Mahkamah

SUMBER :
Global Corruption Barometer 2017, Transparency International, GIACC

# RASUAH DI MALAYSIA

## SOROTAN PENTING

## SIAPA YANG KORUP DI MALAYSIA

### STATISTIK KES SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA KE ATAS KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2019

| BIL | PERKARA | 2017 | 2018 | 2019 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Maklumat | 103 | 87 | 85 | 275 |
| 2. | Fail | 36 | 32 | 44 | 112 |
| 3. | Tangkapan | 7 | 2 | 14 | 23 |
| 4. | Tuduh | 2 | - | - | 2 |
| 5. | Didapati bersalah | - | - | - | - |

Sumber : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Johor.

# EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA

2004
**Pelan Integriti Nasional (PIN)**

2010
**Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0**

2012
**Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0**

2019 – 2023
**PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP)**

Antara tahun **2005** hingga **2014,** Malaysia telah **kehilangan** **RM1.8 TRILLION** menerusi aliran kewangan **tidak sah** yang mana sebahagian daripadanya **berpunca** daripada amalan **rasuah**

SUMBER :
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

# INDEKS PERSEPSI RASUAH MALAYSIA




SUMBER :
*Corruption Perceptions Index, Transparency International.*

# SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ABMS | *Anti-Bribery Management System* |
| ADUN | Ahli Dewan Undangan Negeri |
| Anti-COR NKRA | NKRA Antirasuah |
| ASEAN | Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara |
| BICA | *Business Integrity Country Agenda* |
| BKP | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| BPA | Biro Pengaduan Awam |
| BPEN | Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor |
| BPSM | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia |
| BSTICT | Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor |
| BTI | *Bertelsmann Stiftung Transformation Index* |
| CAM-Corp | *Central Asset Management Corporation* |
| CCM | *Companies Commission of Malaysia* |
| CEO | *Chief Executive Officer* |
| CeIO | Pegawai Integriti Bertauliah |
| CFS | *Contract For Service* |
| CIDB | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia |
| CLBG | *Company Limited by Guarantee* |
| CPI | Indeks Persepsi Rasuah |
| CRM | *Corruption Risk Management* |
| FELDA | *Federal Land Development Authority* |
| GCB | *Global Financial Integrity* |
| GIACC | Pusat Governans, Integriti, dan Antirasuah Nasional |
| GLC | Syarikat Berkaitan Kerajaan |
| GLIC | Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan |
| GTP | Program Transformasi Kerajaan |
| ICT | Teknologi Komunikasi dan Maklumat |
| IPCMC | *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* |
| IRC | *Institutional Reforms Committee* |
| JAN | Jabatan Audit Negara |
| JAR | Jawatankuasa Antirasuah |
| JACP | Pelan Antirasuah Kerajaan Johor *(Johor Anti-Corruption Plan)* |
| JCCD | *Johor Centre for Construction Development* |
| JKKMAR | Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah |
| JKR | Jabatan Kerja Raya |
| JPA | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| JPM | Jabatan Perdana Menteri |
| KDN | Kementerian Dalam Negeri |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| MIGHT | *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* |
| MOF | Kementerian Kewangan |
| MS ISO | *Malaysian Standard International Organization for Standardization* |
| NACP | Pelan Antirasuah Nasional |
| OACP | Pelan Antirasuah Organisasi |
| OECD | Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |
| PDRM | Polis DiRaja Malaysia |
| PICC | Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya |
| PNJ | Perbendaharaan Negeri Johor |
| PTG | Pejabat Tanah dan Galian |
| SIAP | Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa |
| SOE | Syarikat Milik Kerajaan |
| SOP | *Standard Operating Procedure* |
| SPAJ | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor |
| SPRM | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia |
| SSM | Suruhanjaya Syarikat Malaysia |
| SUKJ | Setiausaha Kerajaan Johor |
| TI | *Transperancy International* |
| TI-M | *Transperancy International Malaysia* |
| UI | Unit Integriti |
| UN | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| UNCAC | Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| UNDP | Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| UNODC | *United Nation Office On Drugs and Crime* |

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## VISI

# PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP)

Visi Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 adalah untuk mewujudkan Pentadbiran Awam Kerajaan Johor yang membudayakan integriti dan bebas rasuah. Aspirasi ini diyakini akan tercapai melalui penetapan lima (5) bidang keutamaan yang akan melonjakkan Pentadbiran Kerajaan Johor sebagai peneraju agensi berprestasi tinggi yang bertunjangkan keutuhan nilai integriti dan tadbir urus terbaik ke arah melestarikan kemakmuran dan kemajuan negeri Johor.

### BAB<01> PENGENALAN

Bahagian ini memetakan latar belakang inisiatif-inisiatif bersepadu kerajaan dalam memantapkan pembudayaan integriti, tadbir urus terbaik dan pembanterasan rasuah. Bagi memastikan keberkesanan strategi-strategi yang digariskan dalam pelan ini, wakil-wakil jabatan di bawah Pentadbiran Awam Kerajaan Johor dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah meneliti, menganalisis seterusnya menyenaraikan isu, cabaran dan risiko yang akan menentukan hala tuju Pentadbiran Kerajaan Johor yang lebih jelas dalam memerangi rasuah.

### BAB<02> RENCANA MASA HADAPAN

Bahagian ini memfokuskan kepada analisis senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Pendekatan ini akan memberikan ruang kepada Pentadbiran Kerajaan Johor untuk merangka pelan tindakan integriti yang lebih praktikal dan berkualiti dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan untuk membanteras rasuah, seterusnya mewujudkan tadbir urus yang telus dan bersih. Penggunaan teknologi-teknologi baharu dan terkini turut dimanfaatkan sebagai usaha untuk membanteras rasuah dengan lebih cepat, tepat dan berkesan dalam memastikan Pentadbiran Kerajaan Johor kekal relevan dan bergerak seiring dengan peredaran masa.

### BAB<03> MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH PENTADBIRAN AWAM KERAJAAN JOHOR

Lima bidang keutamaan dalam pelaksanaan Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 ialah Tadbir Urus Politik, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Tadbir Urus Korporat. Lima strategi juga telah dikenal pasti, iaitu Mengukuhkan Integriti dan Kebertanggungjawaban Politik, Meningkatkan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam, Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan dalam Perolehan Awam, Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang dan Memupuk Tadbir Urus yang Baik dalam Entiti Korporat. Strategi ini seterusnya membawa kepada 166 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.

### BAB<04> PEMATUHAN DAN TADBIR URUS

Bab ini memfokuskan kepada aspek pemantauan dan penilaian. Pemantauan dan penilaian merupakan elemen yang sangat penting bagi memastikan langkah-langkah yang dilaksanakan bersesuaian dengan objekif yang ditetapkan. Selain itu, bab ini turut menggariskan pendekatan-pendekatan yang boleh diambil bagi mengenal pasti jurang dalam pelaksanaan inisiatif atau program supaya setiap yang dirancang dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

# BAB
## PENGENALAN

# 1

**01 Latar Belakang**
02 Isu dan Cabaran
**03 Analisis Penilaian Risiko**
04 Bidang-bidang Berisiko

# 01. LATAR **BELAKANG**

Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 adalah manifestasi kesungguhan kerajaan negeri untuk mencegah perbuatan dan implikasi akibat amalan rasuah kepada kemakmuran negeri Johor. **JACP diadaptasi berdasarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019** oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Keputusan untuk mengkaji kesesuaian NACP dan pelaksanaan di peringkat negeri Johor telah dibuat semasa perbincangan antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bersama dengan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) yang telah diadakan pada 17 Mei 2019 dan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pengarah, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC).

Bagi merealisasikan hasrat dan aspirasi ke arah Pentadbiran Awam Kerajaan Johor yang bersih daripada segala bentuk rasuah yang menjatuhkan imej negeri Johor, **satu pelan tindakan yang inklusif, realistik dan komprehensif telah dibangunkan** secara bersama oleh semua jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Awam Kerajaan Johor dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri Johor.

JACP 2021-2025 yang julung kalinya dibangunkan ini bertujuan untuk memerangi gejala rasuah dan meningkatkan tadbir urus Pentadbiran Awam Kerajaan Johor. Tadbir urus yang baik akan mampu menampung perubahan dari segi sosial, ekonomi dan politik Kerajaan Johor. Pentadbiran Awam Kerajaan Johor juga mampu mencapai tahap segala bentuk kejayaan jika semua pihak mampu melaksanakan tadbir urus yang cekap dan penuh berintegriti. Sebaliknya sesebuah jabatan akan gagal mencapai matlamat itu jika lemah dalam menguruskan tadbir urus. Kegagalan Ini mampu mengakibatkan berlakunya faktor yang mengarah kepada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa serta perkara yang menyalahi integriti.

> **"Tadbir urus yang baik akan mampu menampung perubahan dari segi sosial, ekonomi dan politik Kerajaan Johor"**

# 02. ISU DAN CABARAN





## a. Campur Tangan Ahli Politik dalam Pentadbiran dan Kewangan Kerajaan

Kebanyakan ahli politik dilihat mencampuri urusan pentadbiran yang mana keuntungan peribadi dapat dicapai walaupun dengan membelakangi undang-undang dan peraturan. Campur tangan ini biasanya berlaku dalam proses membuat keputusan terutamanya yang melibatkan perolehan, proses pelantikan kerja dan sistem perundangan. Menurut SPRM sejak tahun 2012 sehingga 2014, sejumlah besar kes yang direkodkan adalah dalam sektor pembinaan yang melibatkan perolehan, contohnya rundingan dengan orang tengah.

## b. Kelemahan Kepimpinan, Penguatkuasaan dan Pemantauan

Kelemahan kepimpinan, penguatkuasaan dan pemantauan dalam melaksanakan kawalan antirasuah mengakibatkan banyak inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah tergendala, perlahan atau tidak popular untuk dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, ketua-ketua jabatan di bawah Pentadbiran Awam Kerajaan Johor perlu tegas dan proaktif dalam menjayakan usaha-usaha pencegahan antirasuah, termasuklah dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan.



### c. Limitasi Penggunaan Teknologi dalam Membanteras Rasuah

Pengunaan teknologi secara optimum menjadi satu senjata dalam usaha pembanterasan rasuah. Walau bagaimanapun, masalah-masalah seperti penyediaan kelengkapan dan fasiliti teknologi, kepakaran terhad serta kesediaan pelaksana telah mengehadkan penggunaan teknologi dalam usaha membanteras rasuah secara berkesan. Oleh itu, perhatian khusus mengenai pembangunan teknologi dan latihan intensif khas untuk mengurus isu-isu integriti perlu dititikberatkan.



### d. Hukuman Ringan Terhadap Pesalah Rasuah

Hukuman yang dikenakan kepada pegawai yang didapati bersalah adalah kurang tegas dan tidak konsisten berdasarkan faktor kekurangan pembuktian dan pengaruh pihak berkepentingan. Akibatnya, persepsi pegawai terhadap tindakan atau hukuman yang dikenakan tidak memberi kesan dalam membendung kesalahan tatakelakuan dan rasuah.



### e. Kurangnya Sokongan Awam dan Keyakinan

Kepercayaan awam banyak bergantung kepada ketelusan dan tanggungjawab dalam urusan berkaitan kerajaan. Perlakuan rasuah menghakis sokongan dan kepercayaan orang ramai sekali gus membantutkan keupayaan kerajaan untuk memenuhi tugas utamanya, iaitu untuk menyediakan perkhidmatan dan pembangunan yang kondusif. Walaupun kebanyakan jabatan penguatkuasaan dan undang-undang cuba melaksanakan tugas mereka dengan cara yang terbaik, kredibiliti agensi penguatkuasaan ini sering dipersoalkan. Buktinya seperti yang dilaporkan oleh Global Corruption Barometer 2017, agensi penguatkuasaan undang-undang khususnya polis sering dilihat umum sebagai penguat kuasa yang banyak terlibat dengan rasuah.

# 03. ANALISIS PENILAIAN RISIKO

Bengkel penyediaan Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 telah diadakan pada 24-27 November 2019 melibatkan sebanyak 80 jabatan dan 97 orang peserta terdiri daripada pelbagai jawatan dalam mencari **input dan strategi berkesan demi membendung gejala rasuah daripada terus berleluasa.** Susulan daripada bengkel tersebut, Kerajaan Negeri Johor telah memutuskan untuk memberi penekanan dan keutamaan kepada lima (5) bidang berisiko.

1. Tadbir Urus Politik
2. Perolehan Awam
3. Pentadbiran Sektor Awam
4. Penguatkuasaan Undang-undang
5. Tadbir Urus Korporat

04.

# BIDANG-BIDANG BERISIKO




## 1 Tadbir Urus Politik

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), dalam kertas polisi tahun 1997, mentakrifkan tadbir urus sebagai "pelaksanaan kuasa ekonomi, politik dan pentadbiran untuk mengurus hal ehwal negara di semua peringkat. Ia terdiri daripada mekanisme, proses dan institusi yang mana melaluinya rakyat serta kumpulan masyarakat menyuarakan kepentingan mereka, menjalankan hak undang-undang mereka, memenuhi kewajipan mereka, dan memurnikan perbezaan antara mereka". Dalam istilah mudah, tadbir urus politik bermaksud penggunaan kuasa atau autoriti oleh pemimpin untuk kesejahteraan negara. Hal ini boleh disimpulkan sebagai seni memerintah negara oleh ahli politik. Struktur tadbir urus politik yang baik bergantung kepada institusi negara yang telus dan berkesan.



## 2 Perolehan Awam

Mengikut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), perolehan awam merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja oleh kerajaan dan perusahaan milik awam. Oleh sebab perolehan awam melibatkan sejumlah besar wang pembayar cukai, kerajaan perlu melaksanakannya dengan cekap agar kepentingan awam dilindungi. Perolehan merupakan salah satu bidang dalam kerajaan yang paling terdedah kepada rasuah dan pelbagai kegiatan haram.



## 3 Pentadbiran Sektor Awam

Sektor awam mencakupi pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah kawalan kerajaan. Penyampaian perkhidmatan awam dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej negara. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan, hasil dasar dan nilai cukai. Adalah perlu untuk mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan sektor awam demi meningkatkan kebertanggungjawabannya.




## 4 Penguatkuasaan Undang-undang

Penguatkuasaan undang-undang merujuk kepada sistem yang telah disusun untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan dan norma-norma yang mengawal masyarakat. Agensi penguatkuasaan undang-undang amat komited dalam mengenal pasti penyelesaian dan melaksanakan tindakan untuk mengurangkan kadar jenayah demi kesejahteraan rakyat. Kebanyakan agensi penguatkuasaan undang-undang di Malaysia sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campur tangan oleh pihak eksekutif, kurangnya kebebasan dan integriti dalam pentadbiran yang akhirnya mendedahkan mereka kepada rasuah. Penguatkuasaan undang-undang dengan itu harus dikaji semula bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang.




## 5 Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat secara umum merujuk kepada sistem peraturan, amalan dan proses tentang bagaimana sesebuah organisasi korporat diteraju serta dikawal. Menurut prinsip tadbir urus yang baik oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), tadbir urus korporat yang baik dapat membantu memastikan syarikat menggunakan modal dengan cekap dan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak di mana mereka beroperasi. Dengan menjadikan syarikat bertanggungjawab kepada pemegang taruh dan bukan hanya kepada pemegang saham syarikat sahaja, syarikat berkaitan kerajaan beroperasi demi kepentingan masyarakat secara keseluruhannya. Pada akhirnya, keyakinan para pelabur baik dari dalam mahupun luar negara dapat dipertahankan lantas menarik lebih banyak modal jangka panjang.

# BAB 2
## RENCANA MASA HADAPAN

**01 Jalinan Masa Kini dan Hadapan**
02 Teknologi dalam Inisiatif Antirasuah
**03 Senario Antirasuah Tahun 2030**
04 Gambaran Umum Prinsip dan Kegusaran Bersama
**05 Menerokai Peluang yang Wujud**
06 Pewujudan Risiko
**07 Perkara yang Perlu Diberi Perhatian**

# 01. JALINAN MASA KINI DAN HADAPAN

Pentadbiran Awam Kerajaan Johor sedar akan keperluan dan perubahan semasa, dan kesannya apabila melakukan intervensi penggubalan dasar dan polisi. Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Johor yang cekap haruslah mengambil kira perubahan semasa dan impaknya pada masa hadapan.

**Perubahan konteks sosial menjadi pemacu utama kepada Pentadbiran Awam Kerajaan Johor untuk menilai semula pendekatan dalam membina dan melaksanakan sesuatu dasar bersama-sama pemegang taruh.**

Dunia pada tahun 2030 semestinya berbeza dengan keadaan sekarang. Revolusi Perindustrian ke-4 (4IR) mencetuskan trend mega (mega trend) hasil daripada kerancakan kemajuan teknologi yang ekstrem. Justeru, dalam membayangkan beberapa senario antirasuah pada tahun 2030, beberapa trend yang memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada penggubalan suatu kerangka dasar telah dikenal pasti. Berikut merupakan beberapa trend global semasa yang dikenal pasti bakal memberi kesan besar kepada tadbir urus dan usaha membanteras rasuah.

01 **PENDIGITALAN *(DIGITALISATION)***

02 **PENYAHPUSATAN *(DECENTRALISATION)***

03 **AUTONOMI DAN SALINGHUBUNGAN-HIPER *(AUTONOMOUS AND HYPER-CONNECTED)***

04 **SEMPADAN YANG KABUR *(BLURRING OF BOUNDARIES)***

05 **KOLABORATIF *(COLLABORATIVE)***

06 **PENYESUAIAN MENGIKUT KEPERLUAN *(CUSTOMISATION)***

## PENDIGITALAN *(DIGITALISATION)*



Pendigitalan secara meluas dalam pemodenan penyampaian perkhidmatan awam telah mengurangkan interaksi bersemuka antara orang awam dan penjawat awam. Penggunaan kad pengenalan elektronik berserta ciri keselamatan biometrik, dan pengagihan khidmat sosial adalah antara contoh bagaimana teknologi menjadikan sistem mempunyai kebolehcapaian, telus dan dipertanggungjawabkan. Pendigitalan ini membolehkan transaksi yang lebih selamat, koordinasi yang lebih baik, hebahan tentang inisiatif antirasuah menjadi lebih berkesan, serta perkongsian maklumat lebih meluas.

## PENYAHPUSATAN *(DECENTRALISATION)*




Kemajuan teknologi turut dapat merapatkan lagi hubungan usaha sama antara kerajaan dan orang awam. Kewujudan proses kebersamaan (co-creation processes) membolehkan Kerajaan selaku penggubal dasar bersama-sama orang awam membentuk prototaip seterusnya memastikan sesuatu dasar dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Selain itu, penyahpusatan mengurangkan kuasa hegemoni lantaran kuasa teragih kepada rangkaian dan gabungan kecil dalam dunia multipolar.

## AUTONOMI DAN SALINGHUBUNGAN-HIPER *(AUTONOMOUS AND HYPER-CONNECTED)*



Automasi sesuatu proses dapat menjimatkan kos. Contohnya, penggunaan kecerdasan buatan (artificial intelligence-AI) dalam sesebuah aplikasi dalam talian dapat menghubungkan terus antara pengeluar dengan pengguna. Kesannya adalah kurangnya keperluan kepada penglibatan manusia dalam proses membuat dasar. Justeru, dalam konteks tadbir urus masa hadapan, kesan daripada saling hubungan-hiper ini bakal menyebabkan pemencilan antara jabatan atau kementerian tidak lagi wujud. Keseluruhannya, walaupun negara kekal sebagai entiti dominan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, pendekatan dan penggubalan sesebuah dasar akan berubah kesan daripada jaringan hubungan yang semakin meluas.

## SEMPADAN YANG KABUR *(BLURRING OF BOUNDARIES)*



Dalam menangani desakan dan usaha mengurangkan perbelanjaan awam, kerjasama perkongsian sektor awam-swasta (public-private partnerships - PPPs) yang berterusan akan memberi kesan kepada sektor awam. Kerjasama perkongsian ini awalnya dilihat sebagai cara untuk penjimatan kos pembangunan infrastruktur. Namun, dengan kewujudan dan penglibatan sektor ketiga, iaitu keusahawanan dalam kerjasama ini kerajaan perlu lebih terbuka dan tangkas merencana tadbir urus jenteranya ke arah pentadbiran yang lebih telus dan bertanggungjawab.

## KOLABORATIF *(COLLABORATIVE)*



Platform media sosial haruslah dimanfaatkan penggunaannya untuk menggalakkan interaksi antara kerajaan dan orang awam dan menggalakkan lebih banyak usaha sama. Pengguna media sosial, sama ada daripada pihak kerajaan mahupun orang awam akan mewujudkan komunikasi dan kolaborasi secara efektif dalam pelbagai inisiatif. Kesannya, suara orang awam dapat didengari dan diambil kira dalam perancangan pembangunan nasional.

## PENYESUAIAN MENGIKUT KEPERLUAN *(CUSTOMISATION)*



Penyesuaian mengikut keperluan dapat direalisasikan dengan penggunaan Analisis Data Raya (Big Data Analytics). Antara kesannya ialah kaedah transaksi dan perolehan yang lebih tepat, keperluan sosial dapat segera dipenuhi, dan penerimaan maklum balas yang lebih pantas hasil daripada pemprofilan lengkap pemegang taruh dalam sektor tertentu. Seterusnya, strategi dan intervensi yang lebih spesifik dan berkesan dapat dirangka untuk membanteras rasuah.

# 02. TEKNOLOGI DALAM INISIATIF ANTIRASUAH

Kecanggihan teknologi membolehkan pelbagai masalah sosial ditangani termasuklah rasuah. Kini, pelbagai usaha dan kajian dijalankan oleh banyak pihak untuk mencari mekanisme terbaik bagi membanteras jenayah rasuah dengan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini. Hal ini termasuklah dalam bidang pengesanan, pencegahan dan analisis. Antara kemajuan teknologi yang dapat membantu usaha pembanterasan jenayah rasuah adalah seperti yang berikut:

### 01 CEGAH RINTANG RASUAH

Pengaduan melalui sumber khalayak, proses dan mekanisme yang telus serta perkongsian maklumat mampu merencatkan amalan rasuah.

### 02 PROSES AUTOMASI

Proses automasi perolehan dan pembayaran dapat melancarkan transaksi dan memastikan ketelusan sekali gus mengurangkan risiko rasuah.

### 03 MERAIH KEPERCAYAAN KEPADA INSTITUSI

Organisasi yang menerapkan teknologi terkini dan memastikan pematuhan kepada penemuan-penemuan audit akan lebih dipercayai dan diyakini oleh pelanggan /pengguna.

### 04 PERKONGSIAN MAKLUMAT

Teknologi bukan sahaja memudahkan capaian maklumat, malah menggalakkan ketelusan dan keterbukaan yang menyumbang kepada lapangan persaingan yang adil dan saksama kepada kerajaan mahupun pasaran.

### 05 PENDIGITALAN PERKHIDMATAN AWAM

Pendigitalan perkhidmatan awam juga dapat mengurangkan kerenah birokrasi dan risiko rasuah serta menjimatkan kos.





Meskipun begitu, kemajuan teknologi tidak terlepas daripada **risiko penyalahgunaan dan pencerobohan data. Ia boleh mengundang kepada rasuah dengan cara baharu** sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 1. Contohnya, akses kepada maklumat akan membuka ruang kepada penggodaman data sulit dan peribadi untuk kegunaan rasuah. Akibatnya perlakuan rasuah menjadi kompleks dan rumit untuk ditangani. Justeru, adalah penting untuk mengambil kira pelbagai langkah untuk menangani jenayah rasuah yang mungkin berlaku sama ada dalam talian mahupun luar talian dalam penyediaan strategi dan inisiatif antirasuah.

**A. DATA RAYA *(BIG DATA)*** boleh diformulasi secara khusus untuk mengesan potensi berlakunya sogokan dan amalan rasuah. Penggunaan analisis data raya mampu mengenal pasti jika berlakunya kegiatan rasuah dalam sesebuah organisasi. Fungsi teknologi ini dapat dioptimumkan lagi dalam membanteras penipuan dan mencegah rasuah dengan penggunaan pemprosesan statistik *(statistical processing)* dan analitis ramalan *(predictive analytics)*. Gabungan kaedah pengumpulan data serta visualisasi data dijangka dapat diguna pakai untuk kegiatan pemantauan jika ada berlakunya ketidakjujuran atau rasuah. Keupayaan teknologi data raya serta platform analisis dapat dikembangkan lagi kepada keupayaan analitis ramalan yang bertujuan untuk menggagalkan cubaan sebelum rasuah itu berlaku lagi. Analisis ramalan ini merujuk kepada keadaan yang mana data yang berstruktur diteliti dan dianalisis satu persatu sebelum pola lazim dapat diplotkan. Sebarang aktiviti yang mengganggu pola lazim inilah yang akan menjadi petunjuk seterusnya amaran kepada pihak berkuasa tentang kegiatan mencurigakan yang akan atau sedang berlaku.





**2. KECERDASAN BUATAN *(ARTIFICIAL INTELLIGENCE-AI)*** membuka peluang kepada pemantauan dan penilaian ke atas aktiviti penipuan dan rasuah yang rumit seperti sistem perbankan dan perindustrian. AI berupaya menganalisis sifat dan perilaku transaksi secara berterusan dan meneliti sebarang aktiviti yang mencurigakan berpandukan kepada rujukan latar belakang data. Perbezaan utama antara AI dan analitis ramalan adalah AI merupakan platfom yang lebih berdaya tahan dengan ciri tambahan yang baharu. Analisis tingkah laku dan pengecaman wajah merupakan dua lapangan baharu yang menjadikan AI sebagai teknologi asas dalam usaha pencegahan rasuah. Pengecaman wajah sesuai digunakan secara meluas untuk memperketat keselamatan transaksi yang mana hanya individu tertentu sahaja diberi autoriti untuk mengakses sesuatu maklumat. Seterusnya, pada tahap yang lebih tinggi analisis tingkah laku dijangka mampu mentafsir kewujudan aktiviti mencurigakan yang meramalkan kebarangkalian berlakunya perbuatan rasuah. Penggunaan teknologi ini pasti mampu mencegah amalan rasuah di peringkat awal lagi.

**3. RANTAIAN BLOK *(BLOCK CHAIN)*** berpotensi diguna pakai sebagai alat untuk membanteras rasuah dan penipuan apabila ia diterima pakai secara global. Teknologi ini menitikberatkan kesepakatan pelbagai mekanisme yang terangkai bersama, yang mana setiap pihak dalam rantaian tersebut secara konsensus mengesahkan sesuatu transaksi. Hal ini bermakna rekod lejar setiap aktiviti dalam keseluruhan rantaian transaksi tersebut tidak boleh diubah atau ditiru. Rantaian Blok juga sesuai sebagai mekanisme perakaunan yang akan merekodkan jejak fizikal dan digital sesuatu transaksi seperti aktiviti sepanjang rantaian bekalan *(supply chain)*, pemindahan data *(data transfer)*, aktiviti kewangan dan lain-lain lagi. Penggunaan Rantaian Blok dalam kerajaan kini semakin mendapat perhatian, terutamanya di Asia. Antara potensi aplikasi teknologi ini ialah dalam pilihan raya, pendigitalan sistem pengenalan diri serta sistem percukaian.

# 03. SENARIO ANTIRASUAH TAHUN 2030

- **S1** SENARIO KESINAMBUNGAN
- **S2** SENARIO KEKANGAN
- **S3** SENARIO PERKEMBANGAN
- **S4** SENARIO MERUDUM

**Penggunaan perancangan senario penting sebagai :**

I. Mengenal pasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan model-model dan data-data lampau;

II. Instrumen pengurusan risiko yang penting; dan

III. Indikator amaran terhadap keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko – sebagai alat penilaian untuk menggariskan strategi - strategi intervensi.

**Senario berikut mewakili kemungkinan berlakunya pasca pelancaran Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 pada masa hadapan.**

**SENARIO KESINAMBUNGAN**

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Antirasuah Kerajaan Johor tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mapan.

***CONTINUATION***

**SENARIO KEKANGAN**

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Kerajaan Johor tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.

***LIMITS AND DISCIPLINED***

***GROWTH***

**SENARIO PERKEMBANGAN**

Masa hadapan yang mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah Kerajaan Johor telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

***DECLINE AND COLLAPSE***

**SENARIO MERUDUM**

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekali gus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.

S1 SENARIO KESINAMBUNGAN

S2 SENARIO KEKANGAN

S3 SENARIO PERKEMBANGAN

S4 SENARIO MERUDUM

- Tadbir Urus Politik
- Perolehan Awam
- Pentadbiran Sektor Awam
- Penguatkuasaan Undang-undang
- Tadbir Urus Korporat

# TADBIR URUS POLITIK

## SENARIO KESINAMBUNGAN

Campur tangan politik dalam membuat keputusan semakin berkurangan, akan tetapi menimbulkan tuduhan rasuah kepada jabatan dan kakitangan awam; Campur tangan politik semakin berkurangan, akan tetapi masih wujud tuduhan rasuah dalam kalangan pemimpin politik; Konflik agenda rasuah masih dianggap amalan biasa dalam arena politik; Keberhasilan JACP hanya sedikit dapat dilaksanakan disebabkan hanya segelintir ahli politik yang terlibat dalam pelan.

## SENARIO KEKANGAN

JACP tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana campur tangan politik telah menjadi amalan atau tradisi; Matlamat untuk menjayakan JACP sukar kerana matlamat JACP tidak sampai ke peringkat paling tinggi kerajaan; Keberhasilan dan keberkesanan JACP tidak mampu dilaksanakan dengan menyeluruh kerana tiada penglibatan dari ahli politik.

## SENARIO PERKEMBANGAN

Inisiatif JACP mampu menghalang berlakunya penyelewengan dan salah guna kuasa dan rasuah terutamanya dalam kalangan ahli politik; Pelaksanaan inisiatif JACP melahirkan tadbir urus politik yang beretika dan berintegriti tinggi di negeri Johor; Inisiatif ini memberi kefahaman kepada penjawat awam dan ahli politik tentang tata kelakuan yang lebih berintegriti dan beretika.

## SENARIO MERUDUM

Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam kalangan ahli politik semakin berleluasa dan tidak terkawal; Tiada pemantauan dan penambahbaikan bagi inisiatif dalam pelan tadbir urus politik; Isu-isu berkaitan dengan aspek governans dan integriti dalam kalangan ahli politik semakin meningkat; Kes-kes rasuah dan campur tangan ahli politik dalam membuat keputusan semakin bertambah; Aduan berkaitan dengan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan ahli politik semakin meningkat.

## PEROLEHAN AWAM

**SENARIO KESINAMBUNGAN**

Pelaksanaan inisiatif JACP akan meningkatkan ketelusan dalam sistem pengurusan perolehan, namun masih terdapat teguran dan kelemahan dalam Laporan Ketua Audit Negara; Amalan JACP dapat memperkukuh pematuhan perolehan awam tetapi terdapat perlanggaran SOP perolehan.

**SENARIO KEKANGAN**

Limitasi bajet mengehadkan program latihan pengukuhan bagi meningkatkan kompetensi dalam pengurusan perolehan perkhidmatan awam; Ketidaktentuan landskap politik negara akan menyebabkan perubahan mendadak dalam polisi dan dasar perolehan awam;

**SENARIO PERKEMBANGAN**

Pelaksanaan inisiatif dalam JACP mampu mempertingkat sistem pengurusan perolehan awam dan mengekang salah guna kuasa dan penyelewengan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam; Inisiatif JACP yang dirangka akan menghalang kuasa monopoli dan campur tangan dalam kalangan anggota pentadbiran terhadap proses perolehan awam; JACP juga mampu memaksimumkan keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan perolehan awam dan kompetensi penjawat awam.

**SENARIO MERUDUM**

Campur tangan anggota pentadbiran masih berleluasa walaupun pelaksanaan inisiatif dalam JACP telahpun dilaksanakan; Pelaksanaan inisiatif JACP masih gagal menyekat dan mencegah berlakunya monopoli dan perlanggaran SOP dalam sistem pengurusan perolehan awam.

## PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

**SENARIO KESINAMBUNGAN**

JACP mampu mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam, namun masih ada segelintir penjawat awam tidak mahu berubah; Inisiatif yang dicadangkan adalah selari dengan keperluan dan kehendak semasa tetapi masih memerlukan penambahbaikan berterusan; JACP telah menggariskan inisiatif-inisiatif penambahbaikan tadbir urus pentadbiran sektor awam, namun masih terdapat ketidakpuasan daripada orang awam.

**SENARIO KEKANGAN**

JACP menfokuskan kepada tadbir urus yang baik tetapi kekangan bajet mengehadkan pelaksanaan inisiatif dilaksanakan secara inklusif; Kelemahan mekanisme pemantauan dan kawalan dalaman dalam JACP juga menyumbang kepada ketidakupayaan pelaksanaan inisiatif yang digariskan; Ketidakseimbangan penempatan perjawatan warga kerja boleh menyumbang kepada ketidakcekapan penyampaian kualiti perkhidmatan penjawat awam.

**SENARIO PERKEMBANGAN**

Pelaksanaan inisiatif JACP mampu mencegah penularan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah dalam usaha melahirkan modal insan yang berintegriti tinggi; Inisiatif JACP akan meningkatkan ekspetasi kepercayaan rakyat terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

**SENARIO MERUDUM**

Pelaksanaan inisiatif JACP masih tidak mampu membendung penyelewangan dan salah guna kuasa dalam perkhidmatan awam; Pengabaian dan ketidakpatuhan kepada pelaksanaan inisiatif dalam JACP menyebabkan terjejasnya kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

# PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

**SENARIO KESINAMBUNGAN**

Perlaksanaan inisiatif JACP terutama dalam pengukuhan penguatkuasaan undang-undang dapat mengekang penyalahgunaan kuasa, namun masih berlaku penguatkuasaan yang dibuat secara terpilih; Dalam inisiatif JACP ada menggariskan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang tetapi ada segelintir pegawai penguat kuasa yang tidak konsisten dalam menguatkuasakan undang-undang; JACP juga menekankan penggunaan teknologi tinggi dalam aspek penguatkuasaan undang-undang, namun masih terdapat pengamalan budi bicara dalam proses penguatkuasaan.

**SENARIO KEKANGAN**

Perlaksanaan inisiatif JACP tidak dapat dilaksanakan secara komprehensif dan inklusif disebabkan oleh kekangan sumber manusia dan kewangan; Keberhasilan pelaksanaan inisiatif JACP tidak dapat dicapai disebabkan ketiadaan mekanisme khusus dalam aspek pemantauan dan penilaian keberkesanan penguatkuasaan undang-undang.

**SENARIO PERKEMBANGAN**

Perlaksanaan inisiatif JACP dapat memaksimumkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang yang mantap dan melahirkan pegawai penguatkuasaan yang berintegriti dan beretika tinggi; Inisiatif JACP mampu memartabatkan amalan pengurusan penguatkuasaan undang-undang dan menutup segala ruang dan peluang penyalahgunaan undang-undang dalam pengurusan penguatkuasaan undang-undang.

**SENARIO MERUDUM**

Pengabaian inisiatif JACP juga menyumbang kepada berlakunya penyalahgunaan kuasa dalam menguatkuasakan undang-undang; Pelaksanaan inisiatif JACP tidak mendapat mandat dan sokongan sepenuhnya dalam kalangan anggota pentadbiran yang menyebabkan campur tangan dalam pelaksanaan penguatkuasaan secara berleluasa dan di luar kawalan.

# TADBIR URUS KORPORAT

**SENARIO KESINAMBUNGAN**

Perlaksanaan insiatif JACP mampu menghasilkan budaya tadbir urus korporat yang baik, namun penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan jenayah rasuah masih berlaku dalam sektor korporat; Inisiatif JACP mampu memperkasakan pengurusan tadbir urus korporat namun masih terdapat campur tangan dalam kalangan pengurusan tertinggi; Kerangka perlaksanaan JACP memperlihatkan komitmen yang tinggi dalam kalangan pengurusan tertinggi organisasi tetapi masih terdapat persepsi negatif dalam kalangan pemegang taruh.

**SENARIO KEKANGAN**

Kerangka pelan tindakan dan inisiatif JACP tidak dapat dilaksanakan secara kolektif disebabkan kekangan bajet dan modal insan; Perlaksanaan inisiatif JACP masih tidak memenuhi matlamat tadbir urus korporat terbaik disebabkan oleh perubahan tampuk kepimpinan tertinggi; Kelemahan dan ketidakcekapan pengurusan tertinggi dalam aspek tadbir urus korporat menyebabkan tiada badan mekanisme pemantauan yang efektif dan berkala.

**SENARIO PERKEMBANGAN**

Perlaksanaan insiatif JACP ternyata mampu mentransformasikan sistem pengurusan tadbir urus korporat yang terbaik; JACP ini juga dapat mengekang dan menghalang campur tangan dalam kalangan ahli lembaga pengarah dan anggota pentadbiran; Perlaksanaan inisiatif juga mampu melahirkan modal insan yang berkompetensi tinggi dalam memastikan tadbir urus yang baik dan bebas rasuah.

**SENARIO MERUDUM**

Perlaksanaan inisiatif JACP tidak mendapat mandat dan sokongan yang konsisten daripada ahli lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi; Ketidakcekapan mekanisme pemantauan dan penilaian yang tidak efektif juga boleh menggagalkan perlaksanaan JACP secara inklusif; Perlaksanaan JACP masih tidak mampu untuk mengekang dan mencegah penyalahgunaan kuasa, penyelewengan rasuah dalam pengurusan tadbir urus korporat.

# 04. GAMBARAN UMUM PRINSIP DAN KEGUSARAN BERSAMA

BERDASARKAN SENARIO ANTIRASUAH 2030 YANG DIBANGUNKAN

## PRINSIP BERSAMA

Prinsip dan objektif bersama adalah mewakili nilai dan matlamat bersama yang memberi gambaran ke atas idea yang diteroka secara bersama dan diutamakan. Senario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Ia memerlukan kebertanggungjawaban yang tinggi dan kolektif daripada pemegang taruh serta kerajaan.

**Kejayaan** dalam penambahbaikan pembaharuan tadbir urus secara inklusif khususnya berkaitan dengan proses dan struktur.

**Usaha pembanterasan** jenayah rasuah yang serius, mampan dan berterusan.

**Pemerkasaan** pemantapan pengurusan organisasi serta bebas dalam usaha memerangi jenayah rasuah.

**Kerjasama** yang konsisten dan lebih erat dalam kalangan agensi penguatkuasaan serta koordinasi yang lebih sistematik.

**Pemupukan** pembudayaan nilai governans, integriti dan antirasuah melalui pendidikan dalam pelbagai peringkat.

**Peranan** kepenggunaan sistem pengurusan teknologi dalam proses meningkatkan ketelusan dan mencegah jenayah rasuah.

## KEGUSARAN BERSAMA

Kegusaran bersama meliputi pelbagai aspek ancaman dan potensi risiko yang diterjemahkan melalui empat senario yang dibangunkan. Sekiranya amalan jenayah rasuah tidak dapat dibendung dan ditangani, maka masa hadapan bakal merudum dan musnah.

**Rasuah** masih berleluasa, berakar umbi, menjadi kebiasaan dan sebahagian daripada budaya kerja.

**Usaha** penambahbaikan dan pembaharuan pelan tindakan tidak mampan dan tidak dipantau serta dikawal selia dengan sistematik.

**Usaha** dan agenda antirasuah dipandang remeh oleh pihak berkepentingan.

**Tadbir urus baik** dipersendakan dan diperlekehkan.

**Pemantauan** dan perlaksanaan penguatkuasaan undang-undang sering dilihat tidak berkesan kerana banyaknya campur tangan anggota pentadbiran dan pengurusan tertinggi serta tadbir urus yang lemah.

**Pembuatan** hala tuju tidak konsisten dan keputusan yang bercanggah terutamanya berkaitan dengan isu polisi dan dasar utama.

**Ancaman** terhadap kepentingan privasi dan hak asas bersama.

# 05. MENEROKAI PELUANG YANG WUJUD

Beberapa peluang yang mampu memperkukuh inisiatif antirasuah telah dikenal pasti melalui senario yang dibangunkan. Berikut adalah peluang yang telah dikenal pasti:

**i. Penilaian risiko dan profil pada perolehan kerajaan.**

Ini meliputi pelbagai mekanisme yang boleh digunakan oleh organisasi untuk menjangkakan kebarangkalian rasuah berlaku baik secara dalaman mahupun luaran serta kesannya. Membangunkan indeks penilaian integriti untuk perkhidmatan awam dan perniagaan dalam mentafsir keupayaan organisasi mengawal rasuah serta memastikan semua sumber awam dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus.

**ii. Penggunaan Sistem Pengurusan Antirasuah dan/ atau Sistem Pengurusan Risiko Rasuah.**

Pelaksanaan secara efektif sistem antisogokan dan piawaian berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan. Justeru, hal ini akan meyakinkan pemegang taruh bahawa amalan baik berkaitan dengan kawalan antisogokan yang mendapat pengiktirafan antarabangsa telah dilaksanakan.

**iii. Reformasi tadbir urus.**

Dasar dan amalan baik dalam institusi utama sektor awam menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka, pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mapan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan awam terhadap institusi kerajaan.

**iv. Penggunaan sistem berasaskan teknologi untuk tujuan analisis perolehan.**

Penggunaan teknologi terkini dalam amalan perolehan akan dapat mengoptimumkan proses serta capaian strategik. Teknologi secara berterusan akan memacu penambahbaikan proses, maklumat dan pemahaman yang akhirnya membawa kepada penjimatan.

**v. Memaksimumkan penglibatan warga**

untuk memaksimakan penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah secara menyeluruh (melalui perundangan dan imuniti) yang melibatkan; i) ahli akademik ii) agamawan iii) masyarakat sivil iv) komuniti perniagaan.

**vi. Sistem Pendidikan menyeluruh yang memupuk tadbir urus insan**

*(human governance)* dalam pentadbiran kerajaan Johor yang dibangunkan melalui kurikulum pendidikan kebangsaan berpaksikan Tadbir Urus Insan *(human governance)* dan Program Kepimpinan Berterusan.

# 06. PEWUJUDAN RISIKO

Senario yang dibangunkan turut mengenal pasti risiko berikut: Data dan maklumat sebagai komoditi yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.

**i**

### Kemerosotan peranan media digital, perubahan perisian dan perkakasan lapuk

Pentadbiran kerajaan perlu lebih teliti dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan insiden kehilangan data yang akhirnya akan menyebabkan kerentanan pada sistem.

**ii**

### Media yang prejudis menyebarkan maklumat palsu dan mempengaruhi pendapat awam

Perkara ini terjadi apabila kewartawanan yang bersifat penyiasatan sudah tidak wujud lagi dalam media arus perdana. Wartawan mula cenderung kepada bidang perhubungan awam dan menulis untuk memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

**iii**

### Keterlibatan jenayah rasuah pada awal usia

Amalan rasuah yang terjadi dalam kalangan generasi muda pada peringkat sekolah. Pengesanan awal mampu mengawal fenomena ini.

**iv**

### Tanggungjawab Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

NGO memainkan peranan untuk memastikan kebertanggungjawaban dalam sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, peranannya mula dipersoalkan akibat kelemahan dan kurangnya tadbir urus yang baik. NGO perlu bersedia untuk membangunkan piawaian yang diyakini dan diterima.

**v**

### Kewujudan 'Duri Dalam Daging'

Masih terdapat golongan pegawai yang bermasalah dalam tindakan pembanterasan governans, integriti dan antirasuah terus wujud walaupun sebuah kerajaan telah melalui reformasi penambahbaikan dalam pencapaian kualiti perkhidmatan penjawat awam.




# 07. PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Melalui pembangunan senario antirasuah masa hadapan ini, **kelahiran musuh durjana kerajaan ini akan dapat dikesan. Ia ibarat 'anai-anai' kecil yang baru lahir. Anai-anai ini zahirnya tampak baik seperti serangga lain, tetapi dalam diam ia mampu merosakkan segalanya.** Justeru, pihak pentadbiran kerajaan akan dapat mengesan tahap perkembangan tumbesarannya. **Amalan rasuah pelbagai pihak sama ada dalam kalangan syarikat atau pembekal, kontraktor dan lain-lain boleh berlaku berpunca daripada kelemahan penguatkuasaan di samping kelemahan sebahagian undang-undang.** Hal ini berkemungkinan menyebabkan penentuan jati diri kepimpinan turut ditentukan oleh syarikat tersebut. Situasi ini mengakibatkan keputusan yang diambil dalam pentadbiran bertentangan dengan undang-undang, tidak rasional, tiada pertimbangan jitu serta tidak memenuhi prosedur yang adil.




# PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP) 2021 - 2025

**Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021 - 2025** mungkin akan dilihat mereka yang tidak menyukainya hanya sebagai tumbuhan harum bernama *Raihanah* baunya sedap tetapi rasanya pahit. Metafora ini digunakan untuk menggambarkan tentang dasar yang tampak hebat tetapi tidak memberi impak. Pemegang taruh merasakan dasar yang diperkenalkan tidak mampu untuk bertahan dalam jangka masa panjang. Senario boleh berlaku ketika pertukaran kepimpinan atau pihak yang memperjuangkan agenda antirasuah nasional.

Disamping itu, penglibatan tangan ghaib, wahyu atau duri dalam daging dalam pengurusan akan memburukkan lagi keadaan. Tadbir urus yang baik bergantung kepada sistem semak dan imbang, namun, tadbir urus yang baik ini sukar untuk direalisasikan akibat daripada pengaruh tangan ghaib dalam membuat keputusan. Dengan ketiadaan mekanisme mengawal pengaruh tangan ghaib, gejala ini akan berterusan.

**Jangkaan ancaman terhadap etika, piawaian dan integriti merujuk kepada ancaman sistemik yang mengugat nilai, etika dan komitmen tadbir urus perkhidmatan awam.**

# BAB 3

# MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH PENTADBIRAN AWAM KERAJAAN JOHOR


**01 Pendekatan Umum**

02 Sesi Keterlibatan Pemegang Taruh

**03 Kerangka Pelan Antirasuah Kerajaan Johor**

04 Mengenai Kerangka Pelan

**05 Analisis ke Atas Maklumat Rasuah di Malaysia**

06 Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

**07 Laporan / Statistik Kesalahan Tatatertib Penjawat Awam Negeri Johor**

08 Analisis Kuadran

**09 Keutamaan Strategi : Penekanan 21 Inisiatif**

10 Strategi 1 - 5

# 01. PENDEKATAN UMUM 5A

Untuk memastikan pelaksanaan pelan strategik ini berjalan lancar dan berkesan, pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka pelan yang terdiri daripada langkah-langkah Jangkaan *(Anticipation)*, Advokasi *(Advocacy)*, Persepakatan *(Alliance)*, Tindakan *(Action)* dan Akreditasi *(Accreditation)*

## JANGKAAN

*(Anticipation)*

Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRA), yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini adalah penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi masing-masing.

## ADVOKASI

*(Advocacy)*

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor, seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

## PERSEPAKATAN

*(Alliance)*

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

## TINDAKAN

*(Action)*

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan. Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah dalam semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan undang-undang sedia ada.

## AKREDITASI

*(Accreditation)*

Memfokuskan kepada proses pemantauan dan penilaian untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu / organisasi. Tujuan akreditasi bukan sekadar untuk memberi ganjaran, bahkan untuk memperbaiki dasar atau aktiviti semasa, serta menggalakkan orang lain berbuat perkara yang sama.

## 02. SESI KETERLIBATAN PEMEGANG TARUH

# BENGKEL PENYEDIAAN PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP)

Tarikh : 24 - 27 November 2019
Tempat : **Hotel Grand Paragon, Johor Bahru, Johor**















03.

# KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP) 2021 - 2025

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **VISI** | Mewujudkan Pentadbiran Awam Kerajaan Johor yang membudayakan integriti dan bebas rasuah | | | | |
| **MISI** | Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang | Meningkatkan kompetensi dan kecekapan tadbir urus yang baik | Melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti dan berintegriti | Mempertingkatkan kepercayaan, ekspetasi dan persepsi masyarakat terhadap Perkhidmatan Awam Kerajaan Johor | |
| **MATLAMAT** | Kecekapan dan responsif dalam penyampaian kualiti perkhidmatan dengan tindakan yang berakauntabiliti dan berkredibiliti tinggi | | | | |
| **BIDANG KEUTAMAAN** | Tadbir Urus Politik | Perolehan Awam | Sektor Pentadbiran Awam | Penguatkuasaan Undang-undang | Tadbir Urus Korporat |
| **STRATEGI** | Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik | Mempertingkat keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam | Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam | Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang | Memupuk Tadbir Urus yang Baik dalam Entiti Korporat |




04.

## MENGENAI KERANGKA PELAN

Kerangka ini secara umumnya menggariskan/ mengenalpasti empat misi penting yang akan menyumbang kepada keberkesanan usaha pembanterasan rasuah di negara ini melalui pemerkasaan penguatkuasaan undang-undang, meningkatkan kompetensi dan kecekapan tadbir urus yang baik, melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti dan berintegriti dan mempertingkatkan kepercayaan, ekspetasi dan persepsi masyarakat terhadap Perkhidmatan Awam Kerajaan Johor.

# VISI

## ASPIRASI PENTADBIRAN KERAJAAN JOHOR

Pentadbiran Kerajaan Johor yang **Bebas Rasuah**

**Mewujudkan Pentadbiran Awam Kerajaan Johor yang membudayakan integriti dan bebas rasuah**

Secara umumnya, masalah rasuah dalam kalangan jentera pentadbiran kerajaan sering kali disiarkan dalam media massa, sama ada media elektronik atau media cetak (khususnya kes tangkapan, sebutan kes dan perbicaraan kes rasuah).

**Masalah rasuah secara langsung atau tidak langsung akan memberi impak kepada sistem politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara. Rasuah menyebabkan kewibawaan kerajaan tercabar dan tercalar.**

Tugas hakiki pegawai akan menyebabkan pegawai mengetahui dan memahami kelemahan sistem organisasi, perkhidmatan diberi oleh organisasi seperti pembekal tunggal perkhidmatan, komitmen organisasi dan agensi penguatkuasaan menjadi cabaran dalam memerangi rasuah.

Usaha memerangi dan membanteras rasuah adalah agenda utama kerajaan. Pelbagai inisiatif dilakukan kerajaan bagi menangani masalah rasuah sama ada melalui penggubalan dasar, penubuhan institusi, penubuhan jawatankuasa khas, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan, kempen, latihan, penerbitan buku, majalah dan jurnal, falsafah atau ideologi negara dan sebagainya.

# MISI

## Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang

Pemisahan kuasa antara badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman dilakukan bagi mengelakkan penyelewengan kuasa sekali gus mengekalkan asas demokrasi negara.

Pemisahan tiga kuasa itu perlu ada bagi memastikan periksa dan imbang *(check and balance)* dapat dilakukan dalam pentadbiran negara. Jika tiada *'check and balance'* seperti ini dikhuatiri akan berlaku sesuatu yang tidak baik sehingga berlaku keadaan yang mana seseorang itu tidak dapat ditegur dan tidak dapat dihalang.

Jika tiada pemisahan kuasa, maka akan ada satu pihak yang akan menguasai ketiga-tiga kuasa itu menyebabkannya tidak boleh ditegur dan ditentang sehingga melanggar undang-undang. Kuasa pentadbiran memainkan peranan amat penting bagi menghalang perkara itu yang mana setiap pentadbir perlu berikrar untuk berkhidmat kepada negara tanpa dipesongkan oleh perkara lain. Tanpa pemerkasaan undang-udang yang kuat dan ketat, maka kebarangkalian akan ada anggota pentadbir tidak takut disogok dan melakukan perbuatan tidak baik dan merugikan negara.

## Melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti dan berintegriti

Penyampaian kualiti perkhidmatan awam dan tadbir urus yang baik akan mampu dan berkesan bagi menampung perubahan dari segi sosial, ekonomi dan politik kerajaan Johor. Pentadbiran Awam Kerajaan Johor mampu mencapai tahap kejayaan yang tinggi jika semua pihak mampu melaksanakan tadbir urus yang cekap dan penuh berintegriti. Sebaliknya, sesebuah jabatan akan gagal mencapai matlamat itu jika lemah dalam pengurusan tadbir urus. Kegagalan ini mampu mengakibatkan berlakunya faktor yang mengarah kepada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa serta perkara yang menyalahi integriti.

> "Pentadbiran Awam Kerajaan Johor mampu mencapai tahap kejayaan yang tinggi jika semua pihak mampu melaksanakan tadbir urus yang cekap dan penuh berintegriti."

## Meningkatkan kompetensi dan kecekapan tadbir urus yang baik

Komited ke arah memperkasakan tadbir urus dan nilai integriti penjawat awam dan masyarakat dalam menjalankan tugas dengan baik.

Penerapan nilai integriti penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dan pengurusan pentadbiran sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah, bertanggungjawab, dan berintegriti. Selain itu, ia dapat membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekali gus membentuk suasana berpasukan yang membudayakan mutu kerja yang berprestasi tinggi.

## Mempertingkatkan kepercayaan, ekspetasi dan persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan awam kerajaan Johor

Perkhidmatan awam yang berintegriti tinggi dan konsisten akan mempertingkatkan tahap kepercayaan, ekspetasi dan persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan awam khususnya di negeri Johor. Perkhidmatan awam yang cekap akan menghilangkan rasa kegusaran masyarakat terhadap stigma negatif yang wujud selama ini.

# 05. ANALISIS KE ATAS MAKLUMAT RASUAH DI MALAYSIA

Berdasarkan analisis terhadap lebih daripada 20,000 maklumat berkaitan dengan rasuah yang diterima oleh SPRM **sejak tahun 2013 hingga 2018, sebanyak sembilan punca rasuah telah dikenal pasti.** Carta Pareto yang mewakili 80/20, memberi penjelasan bahawa lebih daripada 80% aduan rasuah adalah daripada empat punca utama yang telah diambil kira dalam membangunkan strategi dan inisiatif pelan ini.

## 4 PUNCA UTAMA RASUAH

**36.43%**
**KEGAGALAN PENTADBIRAN**
(Manipulasi terhadap sistem dan prosedur)

**33.12%**
**KONFLIK KEPENTINGAN**
(Kuasa budi bicara, kuasa mutlak dan campur tangan politik)

**18.97%**
**KELEMAHAN KAWALAN DALAMAN DAN KETIDAKPATUHAN**

**6.45%**
**KURANG KETELUSAN**

## PUNCA UTAMA RASUAH

Berdasarkan analisis terhadap lebih daripada 20,000 maklumat berkaitan dengan rasuah yang diterima oleh SPRM sejak tahun 2013 hingga 2018




LAIN-LAIN




SUMBER : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

# 06. LAPORAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (LSPRM) NEGERI JOHOR (2017-2019)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor dari semasa ke semasa sentiasa memberi nasihat berkenaan dengan pelaporan LSPRM kepada Kerajaan Negeri Johor. **Sesetengah kes membabitkan salah laku yang serius, bertentangan dengan peraturan perkhidmatan sektor awam sehingga menyebabkan kepentingan rakyat terabai tetapi tidak dapat disabitkan mengikut akta SPRM.** Kes ini akan dirujuk kepada jabatan yang terlibat untuk dikenakan tindakan punitif dan tatatertib. Jabatan melalui jawatankuasa tatatertib perlu menilai kes tersebut dan seterusnya mengenakan tindakan yang telah diputuskan oleh jawatankuasa tersebut.

### KUMPULAN JAWATAN



20%
Pengurusan & Profesional

| JAWATAN | BIL | % |
|---|---|---|
| Pengurusan & Profesional | 1 | 20% |
| Sokongan I (Gred 38 - 17) | 4 | 80% |
| JUMLAH | 5 | 100% |

80%
Sokongan I (Gred 38 - 17)

SUMBER :
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor

### KESALAHAN DALAM AKTA SPRM 2009




| AKTA | 2017 | 2018 | 2019 |
|---|---|---|---|
| Sek 17(a) | 1 | 0 | 1 |
| Sek 18 | 0 | 2 | 0 |
| Sek 23 | 0 | 0 | 1 |
| KK 168 | 0 | 0 | 0 |

SUMBER :
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor

# 07. LAPORAN/STATISTIK KESALAHAN TATATERTIB

Penjawat Awam Negeri Johor
bagi tahun 2013 - 2019

Warga perkhidmatan awam yang terlibat dengan isu-isu disiplin khususnya yang bermasalah dan melanggar peraturan-peraturan kerajaan atau mana-mana undang-undang kerajaan yang berkuat kuasa pada masa ini akan dikenakan tindakan tatatertib.

**Dasar dalam melaksanakan tindakan tatatertib adalah dengan adanya alasan dan bukti yang jelas, hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan, adil dan selaras dengan tindakan atas kesalahan, peluang membela diri dan merayu.**

Di negeri Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia menjadi agensi peneraju dalam memastikan pemantauan Kod Etika Perkhidmatan Awam Johor oleh penjawat awam di negeri Johor.

| KESALAHAN | TIDAK HADIR BERTUGAS | CUTI SAKIT PALSU | DADAH | JENAYAH | JENAYAH (DADAH) | JENAYAH (SPRM) | JENAYAH (SYARIAH) | KEBANKRAPAN | TATAKELAKUAN | TATAKELAKUAN (SPRM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2013 | 20 | | 1 | 4 | | | 2 | 1 | 1 | 2 |
| 2014 | 8 | 3 | | 4 | 1 | 2 | | | 1 | 2 |
| 2015 | 19 | | | 1 | 1 | 1 | | | 3 | 1 |
| 2016 | 20 | | 1 | 4 | 1 | 1 | | | 1 | 1 |
| 2017 | 19 | | | 4 | | 2 | 1 | 1 | 1 | 16 |
| 2018 | 13 | | | 1 | 2 | 1 | 1 | | | 4 |
| 2019 | 12 | | 1 | | | 1 | | | 2 | 1 |
| **JUMLAH** | **111** | **3** | **3** | **18** | **5** | **8** | **4** | **2** | **9** | **27** |

SUMBER : Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

# 08. ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran menfokuskan keutamaan bagi **21 inisiatif yang dikenal pasti daripada 166 inisiatif berdasarkan punca rasuah** yang ditemui. 21 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 8 inisiatif yang dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran A – impak tinggi dan kompleksiti rendah – memerlukan penambahbaikan usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada transformasi tadbir urus negara. Ringkasan 21 inisiatif berkenaan adalah seperti yang berikut:

**KUADRAN A**
Kuadran A mewakili inisiatif
**BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH**

**KUADRAN B**
Kuadran B mewakili inisiatif
**BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI**

**KUADRAN C**
Kuadran C mewakili inisiatif
**BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH**

**KUADRAN D**
Kuadran D mewakili inisiatif
**BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI**

**KOMPLEKSITI**
Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

**IMPAK**
Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif




| | |
|---|---|
| STRATEGI 1 | Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik |
| STRATEGI 2 | Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam |
| STRATEGI 3 | Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam |
| STRATEGI 4 | Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang |
| STRATEGI 5 | Memupuk Tadbir Urus yang baik dalam Entiti Korporat |

## 09. KEUTAMAAN STRATEGI :
# PENEKANAN 21 INISIATIF

Ringkasan berikut menunjukkan **21 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 166 keseluruhan yang telah dikenal pasti. Ia berdasarkan lima (5) strategi utama** berkaitan dengan pengukuhan **akauntabiliti dan integriti politik, mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam, memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang dan memupuk tadbir urus yang baik dalam entiti korporat** pentadbiran kerajaan Johor. 21 inisiatif ini dikenal pasti berdasarkan keperluan kesegeraan untuk menangani rasuah.

| BIL | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|
| 1. | Mewujudkan MyPortfolio bagi setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Majlis yang dilantik. | B | STRATEGI 1 |
| 2. | Mengeluarkan surat arahan bertulis berkenaan dengan larangan penyalahgunaan dana dan aset kerajaan bagi tujuan selain daripada tugasan rasmi. | A | STRATEGI 1 |
| 3. | Mewajibkan semua ahli politik membuat pengisytiharan harta. | A | STRATEGI 1 |
| 4. | Mengeluarkan surat larangan ahli politik daripada mengeluarkan surat sokongan ke atas mana-mana permohonan kerja dan projek. | A | STRATEGI 1 |
| 5. | Membangunkan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). | B | STRATEGI 1 |
| 6. | Mewujudkan Kod Etika dan tatakelakuan bagi Pegawai Khas kepada EXCO Negeri. | B | STRATEGI 1 |
| 7. | Melaksanakan semakan tapisan integriti latar belakang pegawai yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Perolehan. | B | STRATEGI 2 |
| 8. | Mewajibkan penyediaan laporan pemantauan kepada pegawai penguasa. | B | STRATEGI 2 |
| 9. | Menyenaraihitamkan pembekal yang bermasalah. | A | STRATEGI 2 |
| 10. | Melaksanakan mekanisme pusingan kerja secara mandatori. | A | STRATEGI 2 |
| 11. | Mewujudkan mekanisme sistem laporan prestasi kontraktor. | B | STRATEGI 2 |
| 12. | Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aduan Awam di setiap jabatan. | A | STRATEGI 3 |
| 13. | Membangunkan sistem pengurusan permohonan pertukaran secara dalam talian. | B | STRATEGI 3 |
| 14. | Mengkaji dan menambah baik pelan strategi bagi pengurusan bakat dan pelan penggantian pegawai yang berteraskan sahsiah kompetensi, profesionalisme, jati diri, integriti dan kepimpinan yang utuh. | B | STRATEGI 3 |
| 15. | Mengadakan ujian integriti personaliti untuk mengetahui kecenderungan bidang kepakaran pegawai. | B | STRATEGI 3 |
| 16. | Memastikan pelaksanaan program-program kemahiran (Upskilling / Reskilling) | B | STRATEGI 3 |
| 17. | Mempertingkatkan hebahan Arahan Polisi yang berkaitan dengan Larangan Membocorkan Maklumat. | A | STRATEGI 4 |
| 18. | Mengadakan hebahan intensif berkaitan Akta 711 (Whistleblower Protection Act 2010) demi meningkatkan kesedaran berhubung dengan akta tersebut. | A | STRATEGI 4 |
| 19. | Melaksanakan Kajian Analisis Keperluan Latihan. | B | STRATEGI 4 |
| 20. | Mewajibkan semua anak syarikat kerajaan mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM | B | STRATEGI 5 |
| 21. | Mengadakan kursus pencegahan dan kesedaran tentang fraud, liabiliti korporat (Seksyen 17A SPRM) dan penyelewengan. | A | STRATEGI 5 |

# 10. STRATEGI 1-5

## BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS POLITIK

**STRATEGI 1** — **Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik**

**Objektif Strategik 1.1 :**
Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran Kerajaan

**Objektif Strategik 1.2 :**
Menangani Campur Tangan Ahli Politik dalam Perkhidmatan Awam dan Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan

## BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN AWAM

**STRATEGI 2** — **Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam**

**Objektif Strategik 2.1 :**
Memperkukuh Kerangka Perolehan Awam

**Objektif Strategik 2.2 :**
Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antisaingan

## BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

**STRATEGI 3** — **Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam**

**Objektif Strategik 3.1 :**
Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus yang baik

**Objektif Strategik 3.2 :**
Menggalakkan Merit dan Integriti dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Pelantikan ke mana-mana Jawatan

**Objektif Strategik 3.3 :**
Memperkukuh Akauntabiliti Pihak Berkuasa Tempatan

**Objektif Strategik 3.4 :**
Menambah baik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesional Berterusan dalam Kalangan Pegawai Awam melalui Program Berdasarkan *Human Governance*

## BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

**STRATEGI 4** — **Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang**

**Objektif Strategik 4.1 :**
Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

**Objektif Strategik 4.2 :**
Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi Dalam Penguatkuasaan Undang-undang

**Objektif Strategik 4.3 :**
Memperkukuh Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

**Objektif Strategik 4.4 :**
Menambah baik Perundangan Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

## BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS KORPORAT

**STRATEGI 5** — **Memupuk Tadbir Urus yang baik Dalam Entiti Korporat**

**Objektif Strategik 5.1 :**
Memastikan Pengamalan Ketelusan oleh Pihak yang Mengawal Entiti Korporat

**Objektif Strategik 5.2 :**
Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah dalam Entiti Korporat

## Objektif Strategik 1.1

**Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran Kerajaan**

Bidang Keutamaan **TADBIR URUS POLITIK**

**STRATEGI 1** Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Tiada Kod Etika dan Tatakelakuan *(Code of Conduct)* bagi ahli politik / Pegawai khas politik. | **1.1.1** Mengeluarkan arahan pentadbiran berkaitan *Standard Operating Procedure (SOP)* jabatan, keselamatan dokumen dan lain-lain. | SUKJ, Pejabat Jurutulis | Suku kedua 2021 |
| | **1.1.2** Melaksanakan program dan taklimat berkaitan dokumen terperingkat dan Akta Rahsia Rasmi. | Bahagian Khidmat Pengurusan Semua Jabatan | Setahun sekali |
| | **1.1.3** Mewujudkan MyPortfolio bagi setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Majlis yang dilantik. | SUKJ, Pejabat Jurutulis | Suku kedua 2021 |
| Menyalahgunakan dana dan aset kerajaan bagi tujuan selain daripada tugasan rasmi. | **1.1.4** Mengeluarkan surat arahan bertulis berkenaan larangan penyalahgunaan dana dan aset kerajaan bagi tujuan selain daripada tugasan rasmi. | Pejabat Menteri Besar | Suku kedua 2021 |
| | **1.1.5** Pelaksanaan audit berkala terhadap pengurusan aset kerajaan, seperti semakan berkala ke atas buku log, rekod inventori dan borang pendaftaran aset. | SUKJ, Unit Audit Dalam | Setiap suku tahun |
| Pengisytiharan harta yang tidak telus dan palsu oleh ahli politik | **1.1.6** Mewajibkan semua ahli politik membuat pengisytiharan harta. | Pejabat Menteri Besar | Setiap 6 bulan sekali |
| | **1.1.7** Mengenakan tindakan yang lebih tegas bagi kes-kes pemalsuan pengisytiharan harta oleh ahli politik. | Pejabat Menteri Besar<br>SUKJ, Pejabat Jurutulis | Setiap 6 bulan sekali |
| | **1.1.8** Menjalankan sistem semak atau *'cross-checking'* agensi-agensi berkaitan seperti Bank Negara, CTOS, LHDN, Pejabat Tanah dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). | Pejabat Menteri Besar<br>SUKJ, Pejabat Jurutulis | Setiap 6 bulan sekali |
| Wujudnya sesetengah Ahli Politik yang menggunakan sentimen berasaskan perkauman dan agama bagi meraih sokongan politik. | **1.1.9** Mengadakan sesi *townhall* di antara YAB Menteri Besar Johor bersama dengan ahli-ahli politik bagi memberi peringatan dan menyuburkan semangat perpaduan sesama kaum. | Pejabat Menteri Besar | Setahun sekali |

Bidang Keutamaan **TADBIR URUS POLITIK**

**STRATEGI 1**
Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik

## Objektif Strategik 1.2

**Menangani Campur tangan Ahli Politik dalam Perkhidmatan Awam dan Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan**

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Pengaruh dan campur tangan politik dalam ;<br>a) Perolehan kerajaan<br>b) Peruntukan pembangunan<br>c) Surat sokongan<br>d) Kekerapan cadangan projek baharu yang mempunyai kepentingan tertentu | **1.2.1** Mengeluarkan surat larangan ahli politik daripada mengeluarkan surat sokongan ke atas mana-mana permohonan kerja dan projek. | Pejabat Menteri Besar | Suku kedua 2021 |
| Campur tangan politik dalam<br>a) Pelantikan penjawat awam<br>b) Proses kenaikan pangkat dan pemilihan jawatan dalam kerajaan | **1.2.2** Pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar dan garis panduan bagi pengambilan dan pelantikan penjawat awam wajib dipatuhi. | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor | Berkala dan berterusan |
| | **1.2.3** Membangunkan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). | SUKJ, Pejabat Jurutulis | Suku kedua 2021 |
| | **1.2.4** Melakukan semakan dan tapisan integriti terhadap calon-calon penjawat awam yang disenarai pendek. | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Berkala dan berterusan |
| Pengaruh dan campur tangan politik dalam:<br>a) Proses permohonan tanah<br>b) Pemilihan penyewa bagi gerai-gerai di bawah PBT<br>c) Permohonan lesen dan permit<br>d) Penguatkuasaan undang-undang<br>e) Pengagihan bantuan kepada rakyat. Contohnya Kad Sihat. | **1.2.5** Memperkukuh pelaksanaan SOP yang sedia ada. | Pejabat Tanah dan Galian Johor<br>SUKJ, Bahagian Kerajaan Tempatan<br>SUKJ, Bahagian Khidmat Pengurusan | Suku kedua 2021 |
| | **1.2.6** Melebarluaskan penggunaan *easy portal* dalam usaha mewajibkan pelaksanaan sistem teknologi bersepadu dalam perkongsian maklumat dengan agensi-agensi lain. | SUKJ, Bahagian Sains Teknologi dan ICT | Suku kedua 2021 |
| Wujudnya pakatan atau sindiket dalam proses penawaran untuk memiliki Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ) | **1.2.7** Memperkenalkan Dasar Skim Perumahan Mampu Biaya Johor (SP2MJ) dengan melaksanakan tawaran rumah melalui Sistem Undian Terbuka yang lebih telus dan adil bagi proses penawaran Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ). | SUKJ, Bahagian Perumahan | Suku kedua 2021 |
| Campur tangan Pegawai Khas kepada EXCO Negeri dalam pentadbiran organisasi melebihi skop kerja. | **1.2.8** Mewujudkan Kod Etika dan tatakelakuan bagi Pegawai Khas kepada EXCO Negeri. | SUKJ, Pejabat Jurutulis | Suku kedua 2021 |
| | **1.2.9** Memastikan Pegawai Khas kepada EXCO Negeri menandatangani Surat Perjanjian Aku Janji semasa pelantikan dalam tempoh perkhidmatan. | SUKJ, Pejabat Jurutulis | Suku kedua 2021 |

## Objektif Strategik 2.1
### Memperkukuh Kerangka Perolehan Awam

Bidang Keutamaan **PEROLEHAN AWAM**

**STRATEGI 2**
Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Kegagalan dalam tadbir urus kontrak perolehan. | **2.1.1** Mengadakan kursus pengurusan dan tatacara dokumentasi perolehan kerajaan. | Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setahun sekali |
| | **2.1.2** Melakukan semakan semula dan menambah baik fungsi dan peranan Jawatankuasa Perolehan. | Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor | Setiap 2 tahun |
| | **2.1.3** Melaksanakan semakan tapisan integriti latar belakang pegawai yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Perolehan. | Pentadbiran Kewangan dan Perolehan Semua Jabatan | Setiap 2 tahun |
| Kegagalan dalam pemantauan pelaksanaan projek. | **2.1.4** Mewajibkan pelaksanaan pemantauan secara sistematik sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan. | Semua jabatan | Berterusan |
| | **2.1.5** Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku yang gagal memantau pelaksanaan projek. | Semua jabatan | Berterusan |
| | **2.1.6** Mewajibkan penyediaan laporan pemantauan kepada pegawai penguasa. | Semua jabatan | Berterusan |
| Kegagalan di dalam pemantauan penerimaan bekalan yang diterima tidak sama dengan spesifikasi dalam Pesanan Kerajaan. | **2.1.7** Menyenaraihitamkan pembekal yang bermasalah. | Semua jabatan | Berterusan |
| | **2.1.8** Mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj berikutan kecuaian dalam pelaksanaan tugas. | Semua jabatan | Setiap suku tahun |
| Ketidakpatuhan tatacara kewangan. | **2.1.9** Melaksanakan perolehan kerajaan dengan terancang mengikut kelulusan belanjawan. | Semua jabatan | Setiap tahun |
| Pemalsuan tuntutan pembayaran bagi kerja atau program yang langsung tidak wujud. | **2.1.10** Melaksanakan mekanisme pusingan kerja secara mandatori. | Semua jabatan | Suku kedua 2021 |
| | **2.1.11** Mewajibkan pelaksanaan tapisan integriti di bahagian perolehan. | Semua jabatan | Suku kedua 2021 |
| Campur tangan pihak berkepentingan dan berpengaruh dalam mempengaruhi proses keputusan pemilihan pembekal dan kontraktor. | **2.1.12** Melaksanakan semakan latar belakang pihak pembekal / kontraktor. | Semua jabatan | Suku kedua 2021 |

## Objektif Strategik 2.2

**Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antisaingan**

Bidang Keutamaan **PEROLEHAN AWAM**

**STRATEGI 2**
Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Kebocoran maklumat / data kerajaan secara tidak sah antara pegawai jabatan dan pihak berkepentingan | 2.2.1 Memastikan pelaksanaan sistem kawalan urusan pengeluaran data / *Audit trail* sentiasa dikemas kini. | Semua jabatan | Berterusan |
| | 2.2.2 Melaksanakan pemeriksaan mengejut bagi mempertingkatkan tahap keselamatan ICT. | Semua jabatan | Setahun 2 kali |
| | 2.2.3 Menggalakkan jabatan memperoleh persijilan MS ISO 9001:2015. | Semua jabatan | Berterusan |
| | 2.2.4 Melaksanakan tindakan tatatertib / surcaj kepada pelaku. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia<br>Semua Jabatan | Berterusan |
| Ketirisan Maklumat Perolehan<br>• Tender<br>• Sebut harga<br>• Anggaran Jabatan | 2.2.5 Melaksanakan program / kursus kesedaran / pemantapan integriti, *good governance* dan antirasuah. | Semua jabatan | Setahun sekali |
| Wujudnya campur tangan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan perolehan | 2.2.6 Memperkasakan dasar perolehan yang sedia ada dalam pemilihan kontraktor / pembekal. | Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor<br>SUKJ, Bahagian Kerajaan Tempatan | Berterusan |
| | 2.2.7 Mewajibkan pelaksanaan pelantikan Ahli Jawatankuasa perolehan yang terdiri daripada golongan pakar yang berkaitan dalam bidang perolehan. | Semua jabatan | Berterusan |
| Pemalsuan Dokumen<br>• Tuntutan Bayaran<br>• Lesen kontraktor / pembekal<br>• Pengesahan perakuan tuntutan pembekal / kontraktor<br>• Perolehan tender / sebut harga | 2.2.8 Memastikan semua dokumen sokongan disahkan oleh agensi pengeluar dokumen. | Semua jabatan | Berterusan |
| | 2.2.9 Menyenaraihitamkan pembekal atau kontraktor yang memalsukan dokumen. | Semua jabatan | Berterusan |
| | 2.2.10 Integrasi antara kerajaan negeri dengan pihak SSM, CIDB dan JCCD untuk pengesahan kontraktor. | Semua jabatan | Berterusan |
| | 2.2.11 Melaksanakan program atau kursus yang berkaitan dengan penyediaan dokumen / sebut harga. | Semua jabatan | Setahun sekali |

## Objektif Strategik 2.2

**Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antisaingan**

Bidang Keutamaan **PEROLEHAN AWAM**

**STRATEGI 2** Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Penyalahgunaan kuasa pegawai atasan dalam melakukan perakuan bayaran kepada perunding / pembekal / perkhidmatan kerja. | 2.2.12 Mengadakan program pembudayaan integriti tadbir urus dan antirasuah. | SUKJ, Unit Integriti | Setahun sekali |
| | 2.2.13 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua jabatan | Berterusan |
| Penyalahgunaan kuasa :<br>• Manipulasi / modifikasi perolehan pada peringkat akhir perolehan tanpa kelulusan Jawatankuasa di peringkat daerah / negeri. | 2.2.14 Mengadakan program pembudayaan governans, integriti dan antirasuah. | Pegawai Integriti Jabatan | Setahun sekali |
| | 2.2.15 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua Jabatan | Berterusan |
| Kegagalan dalam memperoleh perunding projek yang berkemahiran | 2.2.16 Menghadiri kursus dan latihan yang berkaitan dengan pelaksanaan pemilihan kontraktor. | Semua Jabatan | Setahun sekali |
| | 2.2.17 Memastikan jururunding yang dilantik mempunyai sijil yang diiktiraf berkaitan dengan sesuatu projek. | Semua Jabatan | Berterusan |
| Penyelewengan dalam mewujudkan permohonan kontrak lanjutan untuk kepentingan peribadi | 2.2.18 Mewajibkan pelaksanaan mekanisme pemantauan kawalan dalaman dengan lebih efektif. | Semua Jabatan | Setiap suku tahun |
| | 2.2.19 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua Jabatan | Berterusan |
| Mengadakan pakatan sindiket dengan pihak berkepentingan dalam pemberian perolehan | 2.2.20 Mewujudkan mekanisme sistem laporan prestasi kontraktor. | Semua Jabatan | Setiap 6 bulan |
| | 2.2.21 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua Jabatan | Berterusan |
| Kegagalan dalam mengenalpasti dan melaksanakan analisis kajian pasaran. | 2.2.22 Memperkukuh fungsi dan peranan Pegawai Penilaian Dalaman Kerajaan untuk mengenal pasti dan melaksanakan analisis kajian pasaran. | Semua Jabatan | Setiap suku tahun |

## Objektif Strategik 3.1

**Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus yang Baik**

Bidang Keutamaan **PENTADBIRAN SEKTOR AWAM**

**STRATEGI 3**
Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Kegagalan pematuhan pegawai terhadap pelaksanaan proses kerja (SOP) yang telah ditetapkan. | 3.1.1 Mengadakan program pemerkasaan pematuhan governans, integriti dan antirasuah dalam memenuhi SOP yang telah ditetapkan. | Semua jabatan | Setahun sekali |
| | 3.1.2 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua jabatan | Berterusan |
| Pemalsuan tuntutan:<br>• Tuntutan perjalanan dan sara hidup<br>• Tuntutan kerja lebih masa<br>• Tuntutan pemeriksaan kesihatan | 3.1.3 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua jabatan | Berterusan |
| | 3.1.4 Mengadakan latihan governans, integriti dan antirasuah secara berkolaborasi dengan pihak SPRM. | SUKJ, Unit Integriti<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 3 bulan sekali |
| Wujudnya tahap keberhutangan yang serius dalam kalangan penjawat awam | 3.1.5 Pelaksanaan pengurusan akauntabiliti kewangan. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setahun sekali |
| | 3.1.6 Melaksanakan kursus kesedaran pengurusan kewangan peribadi berhemah. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia<br>SUKJ, Unit Integriti | 6 bulan sekali |
| Menyalahgunakan kedudukan demi kepentingan peribadi dengan memberi pinjam kata laluan | 3.1.7 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua Jabatan | Berterusan |
| | 3.1.8 Mengadakan program pembudayaan governans, integriti dan antirasuah. | SUKJ, Unit Integriti | Berterusan |
| Kebocoran maklumat sulit dan sensitif bagi tujuan kepentingan peribadi | 3.1.9 Mewajibkan Kursus Pematuhan Akta Rahsia Rasmi dan latihan arahan keselamatan. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia<br>SUKJ, Unit Integriti | Setahun sekali |
| | 3.1.10 Membangunkan dan menguatkuasakan garis panduan penggunaan teknologi (*smartphone* dan media sosial). | SUKJ, Bahagian Sains Teknologi dan ICT | Suku kedua 2021 |
| Penyalahgunaan harta/aset hak milik kerajaan jabatan untuk kepentingan peribadi:<br>• Kenderaan<br>• Barang pejabat | 3.1.11 Memastikan pelaksanaan pemantauan kepenggunaan harta dan aset milik kerajaan dengan sistematik. | Semua Jabatan | Berterusan |
| | 3.1.12 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua Jabatan | Berterusan |

## Objektif Strategik 3.1

### Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus yang Baik

Bidang Keutamaan **PENTADBIRAN SEKTOR AWAM**

**STRATEGI 3** Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Pelanggaran perintah am kerajaan:<br>• Waktu bertugas<br>• Masalah disiplin<br>• Ketidakhadiran bertugas | 3.1.13 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua jabatan | Berterusan |
| | 3.1.14 Mengadakan sesi kaunseling tertutup terutamanya kepada pegawai yang bermasalah. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setahun sekali |
| Kegagalan melaksanakan tindakan susulan daripada teguran audit. | 3.1.15 Memastikan ketua jabatan mengambil tindakan susulan penambahbaikan hasil daripada teguran audit dalam masa yang telah ditetapkan dan memastikan ketidakpatuhan tidak berulang. | Semua jabatan | Setahun sekali |
| Kegagalan dan kecuaian dalam menguruskan aduan awam dengan baik. | 3.1.16 Mengadakan kursus intensif mempertingkatkan keberkesanan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). | SUKJ, Unit Integriti<br>Semua jabatan | Suku kedua 2021 |
| | 3.1.17 Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aduan Awam di setiap jabatan. | Semua jabatan | Suku kedua 2021 |
| Menyalahgunakan kuasa dengan melakukan modifikasi terhadap dokumen yang memerlukan perakuan siap kerja. | 3.1.18 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua jabatan | Berterusan |
| | 3.1.19 Memastikan kelulusan ketua jabatan diperoleh sebelum sebarang perubahan pindaan dokumen dilakukan. | Semua jabatan | Sepanjang tahun |
| Ulasan teknikal yang berat sebelah (*favoritism*):<br>• Permohonan ubah syarat tanah<br>• Permohonan kebenaran merancang<br>• Permohonan lesen/permit | 3.1.20 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Semua jabatan | Berterusan |
| | 3.1.21 Mengadakan program pembudayaan governans, integriti dan antirasuah. | Semua jabatan | 6 bulan sekali |
| Memberikan maklumat palsu dalam laporan tanah bagi urusan permohonan kurniaan, rancangan pembangunan, LPS, permit pengeluaran hasil bumi. | 3.1.22 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor | Berterusan |
| | 3.1.23 Mempertingkatkan mekanisme pemantauan menerusi lawatan tapak *(cross checking)* dan menggunakan teknologi terkini seperti penggunaan dron dalam laporan tanah. | Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor<br>SUKJ, Bahagian Sains Teknologi dan ICT | Suku kedua 2021 |

## Objektif Strategik 3.2

**Menggalakkan Merit dan Integriti dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Pelantikan ke Mana-mana Jawatan**

Bidang Keutamaan **PENTADBIRAN SEKTOR AWAM**

**STRATEGI 3**
Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Kelemahan dan tidak telus dalam proses pengambilan, pelantikan dan kenaikan pangkat | 3.2.1 Mewajibkan ahli panel penemu duga menandatangani surat aku janji berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan. | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setahun 2 kali |
| | 3.2.2 Memastikan proses dan SOP pengambilan, pelantikan dan kenaikan pangkat pegawai berdasarkan garis panduan. | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Berterusan |
| Wujudnya campur tangan dalam proses membuat keputusan dalam pelantikan, penempatan dan pertukaran penjawat awam. | 3.2.3 Membangunkan sistem pengurusan permohonan pertukaran secara dalam talian. | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia<br>SUKJ, Bahagian Sains Teknologi dan ICT | Suku keempat 2021 |
| | 3.2.4 Mengkaji dan menambah baik pelan strategi bagi pengurusan bakat dan pelan penggantian pegawai yang berteraskan sahsiah kompetensi, profesionalisme, jati diri, integriti dan kepimpinan yang utuh. | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia<br>SUKJ, Unit Integriti | Suku kedua 2021 |
| | 3.2.5 Melaksanakan program-program latihan pengukuhan governans, integriti, antirasuah, tadbir urus dan psikologi. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia<br>SUKJ, Unit Integriti | Setiap suku tahun |
| | 3.2.6 Menyemak semula dan memperbaharui pematuhan Tatacara Operasi Standard (SOP) yang lebih komprehensif. | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Suku kedua 2021 |

## Objektif Strategik 3.3

**Memperkukuh Akauntabiliti Pihak Berkuasa Tempatan**

Bidang Keutamaan **PENTADBIRAN SEKTOR AWAM**

**STRATEGI 3**
Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

| RISIKO | INISIATIF | | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|
| Kebocoran maklumat sulit dan operasi penguatkuasaan oleh pegawai | 3.3.1 | Menambah baik terma rujukan (TOR) dan garis panduan operasi penguatkuasaan. | SUKJ, Bahagian Kerajaan Tempatan | Setahun sekali |
| | 3.3.2 | Mengadakan kursus pematuhan Akta Rahsia Rasmi dan mengadakan Latihan Arahan Keselamatan. | SUKJ, Bahagian Kerajaan Tempatan<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setahun sekali |
| | 3.3.3 | Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Berterusan |
| Penyalahgunaan kuasa dan ketidaktelusan dalam pengendalian dan urusan sesuatu projek dan kontrak | 3.3.4 | Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Pihak Berkuasa Tempatan | Berterusan |
| | 3.3.5 | Mengadakan program pembudayaan governans, integriti dan antirasuah. | SUKJ, Unit Integriti<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setahun sekali |
| Gagal dalam mengambil tindakan tatatertib terhadap kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh pegawai penguat kuasa. | 3.3.6 | Memperkasakan fungsi dan peranan Jawatankuasa Khas Pengurusan Disiplin dan Tatatertib agensi penguatkuasaan. | Pihak Berkuasa Tempatan<br>SUKJ, Bahagian Kerajaan Tempatan | Berterusan |
| Kegagalan pegawai dalam mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) sedia ada. | 3.3.7 | Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | Pihak Berkuasa Tempatan | Berterusan |
| Kegagalan dalam melaksanakan pusingan kerja. | 3.3.8 | Memperkasakan pelan pembangunan penggiliran tugas di jabatan. | Pihak Berkuasa Tempatan<br>SUKJ, Bahagian Kerajaan Tempatan<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Berterusan |

## Objektif Strategik 3.4

**Menambah baik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesional Berterusan dalam Kalangan Pegawai Awam melalui Program Berdasarkan *Human Governance***

Bidang Keutamaan **PENTADBIRAN SEKTOR AWAM**

**STRATEGI 3**
Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Kegagalan dalam menganalisis potensi dan kesesuaian pegawai. | 3.4.1 Melakukan kajian dan semakan semula bagi mengenal pasti kompetensi dan kemahiran pegawai. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setiap kali petukaran pegawai dilakukan |
| | 3.4.2 Mengadakan ujian integriti personaliti untuk mengetahui kecenderungan bidang kepakaran pegawai. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setiap kali lantikan baru. |
| Kegagalan dan ketidakcekapan pegawai dalam menjalankan tugas hakiki. | 3.4.3 Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Berterusan |
| | 3.4.4 Mewajibkan pelaksanaan sesi kaunseling tertutup kepada pegawai yang bermasalah. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setahun sekali |
| Kegagalan dalam mengenal pasti program yang mempunyai impak tinggi. | 3.4.5 Mengadakan kursus pengurusan projek *(project management)* dalam mengenal pasti keberhasilan program berimpak tinggi. | SUKJ, Unit Integriti<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setahun sekali |
| | 3.4.6 Mengadakan program pembudayaan governans, integriti dan antirasuah. | SUKJ, Unit Integriti | Setahun sekali |
| Kegagalan dalam menyediakan peluang peningkatan kemahiran dan pendidikan bagi memantapkan kompetensi pegawai. | 3.4.7 Memastikan pelaksanaan program-program kemahiran *(Upskilling / Reskilling)*. | SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 6 bulan sekali |

## Objektif Strategik 4.1

**Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasaan Undang-undang**

Bidang Keutamaan **PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

**STRATEGI 4**
Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Penyalahgunaan dan penyelewengan kuasa oleh pihak yang diberi kuasa dalam melaksanakan undang-undang/ akta / peraturan yang sedang berkuat kuasa di jabatan / agensi. | **4.1.1** Memantapkan mekanisme pemantauan dalaman terutama pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan | Suku kedua 2021 dan berterusan |
| | **4.1.2** Mewajibkan pelaksanaan pusingan kerja ke atas pegawai penguat kuasa. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setiap 2 tahun |
| | **4.1.3** Menganjurkan program *good governance* seperti bicara eksekutif, forum, taklimat, simposium dan lain-lain. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan<br>SUKJ, Unit Integriti | Setiap 6 bulan |
| Kegagalan dalam menguatkuasakan peraturan / undang-undang / prosedur. | **4.1.4** Mewujudkan Program Latihan bagi pegawai penguat kuasa terutama dalam aspek pengurusan penguatkuasaan undang-undang. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan | Setiap tahun |
| | **4.1.5** Melaksanakan semakan semula dan menambah baik SOP penguatkuasaan undang-undang yang sudah lapuk. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan | Setiap suku tahun |
| | **4.1.6** Menganjurkan program *good governance* seperti bicara eksekutif, forum, taklimat, simposium dan lain-lain. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan<br>SUKJ, Unit Integriti | Setiap 6 bulan |
| Penyalahgunaan budi bicara dalam proses penguatkuasaan undang-undang. | **4.1.7** Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan | Berterusan |
| | **4.1.8** Mengeluarkan surat arahan larangan menggunakan budi bicara dalam menguatkuasakan undang-undang. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan | Suku kedua 2021 |
| Melakukan pembocoran dan perkongsian tidak wajar terhadap maklumat terperingkat. | **4.1.9** Mempertingkatkan mekanisme pemantauan dalaman dan mengehadkan akses maklumat terperingkat. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan<br>SUKJ, Bahagian Khidmat Pengurusan | Suku kedua 2021 dan berterusan |
| | **4.1.10** Mengadakan Kursus Pengurusan Kesedaran dan Keselamatan (Pengurusan Maklumat) berkaitan dengan Arahan Keselamatan. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan<br>SUKJ, Bahagian Khidmat Pengurusan | Setahun sekali |

Bidang Keutamaan **PENGUAT-KUASAAN UNDANG-UNDANG**

**STRATEGI 4**
Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

## Objektif Strategik 4.1

**Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasaan Undang-undang**

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Melakukan pembocoran dan perkongsian tidak wajar terhadap maklumat terperingkat. | **4.1.11** Mempertingkatkan hebahan Arahan Polisi yang berkaitan dengan larangan membocorkan maklumat. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan<br>SUKJ, Bahagian Khidmat Pengurusan<br>SUKJ, Unit Integriti | Suku kedua 2021 dan berterusan |
| | **4.1.12** Menggalakkan pelaksanaan proses pengurusan Tapisan Keselamatan Halus ke atas pegawai penguat kuasa. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan<br>SUKJ, Bahagian Khidmat Pengurusan<br>SUKJ, Unit Integriti | Setiap 5 tahun |
| Campur tangan pihak berkepentingan dalam membuat keputusan dari segi perundangan dan penguatkuasaan undang-undang. | **4.1.13** Mengeluarkan surat arahan larangan campur tangan pihak berkepentingan dan pengurusan tertinggi terhadap pembuatan keputusan penguatkuasaan undang-undang. | SUKJ, Bahagian Khidmat Pengurusan | Setiap tahun |

## Objektif Strategik 4.2

**Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi Dalam Penguatkuasaan Undang-undang**

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Penggunaan teknologi lapuk dan sistem ICT yang tidak selaras dengan keperluan semasa dari aspek undang-undang. | **4.2.1** Membangunkan sistem dalam talian yang bersepadu dan efisien dengan menggunakan teknologi terkini bagi tujuan pemantauan. | SUKJ, Bahagian Sains Teknologi dan ICT<br>PTG /JAIJ / PBT | Suku keempat 2022 |
| | **4.2.2** Mewujudkan program latihan penggunaan teknologi tinggi / sistem IT penguatkuasaan. | SUKJ, Bahagian Sains Teknologi dan ICT<br>PTG /JAIJ / PBT | Setahun sekali |
| | **4.2.3** Mewujudkan penguatkuasaan bersepadu yang melibatkan sistem perkongsian pangkalan data dalam jabatan berkaitan. | SUKJ, Bahagian Sains Teknologi dan ICT<br>PTG /JAIJ / PBT | Suku keempat 2022 |

Bidang Keutamaan **PENGUAT-KUASAAN UNDANG-UNDANG**

**STRATEGI 4**
Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

## Objektif Strategik 4.3
Memperkukuh Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Kecenderungan pegawai penguat kuasa menerima / meminta habuan / rasuah semasa bertugas. | **4.3.1** Mengadakan program pembudayaan governans, integriti dan antirasuah. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan<br>SUKJ, Unit Integriti | Setahun 2 kali |
| | **4.3.2** Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan serius kepada pelaku. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan | Berterusan |
| Pemberi dan penerima maklumat tidak terjamin keselamatannya. | **4.3.3** Mengadakan hebahan intensif berkaitan dengan Akta 711 *(Whistleblower Protection Act 2010)* demi meningkatkan kesedaran berhubung akta tersebut. | Semua Jabatan | Setiap suku tahun |
| Kegagalan melaksanakan kajian penempatan dan perjawatan penguatkuasaan undang-undang. | **4.3.4** Membuat penyusunan semula organisasi dengan mengkaji kekuatan anggota penguatkuasaan berdasarkan keperluan setiap jabatan / agensi. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan | Suku keempat 2021 |
| | **4.3.5** Melaksanakan kajian Analisis Keperluan Latihan. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Suku keempat 2022 |

## Objektif Strategik 4.4
Menambah baik Perundangan Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Kelemahan dalam pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang. | **4.4.1** Melaksanakan semakan semula terhadap bidang kuasa agensi penguatkuasaan undang-undang. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan | Setahun sekali |
| | **4.4.2** Mengadakan latihan peningkatan kompetensi dan kecekapan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang. | PTG /JAIJ / PBT<br>SUKJ, Bahagian Perumahan | Setiap 6 bulan |

## Objektif Strategik 5.1

**Memastikan Pengamalan Ketelusan oleh Pihak yang Mengawal Entiti Korporat**

Bidang Keutamaan **TADBIR URUS KORPORAT**

**STRATEGI 5**
Memupuk Tadbir Urus yang baik dalam Entiti Korporat

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Ketiadaan SOP yang jelas terhadap pelaksanaan punca kuasa | **5.1.1** Melakukan semakan dan penggubalan SOP dan polisi yang sedia ada. | GLC, Pejabat Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif GLC, Unit Audit Dalam | Suku kedua 2021 |
| | **5.1.2** Memastikan polisi yang digubal mendapat kelulusan jawatankuasa peringkat tertinggi contohnya Ahli Lembaga Pengarah. | GLC, Pejabat Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif GLC, Unit Audit Dalam | Setahun sekali |
| | **5.1.3** Memperkukuh dan memantapkan penguatkuasaan dan mempertingkatkan kawalan dalaman sedia ada. | GLC, Pejabat Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif GLC, Unit Audit Dalam | Setiap 6 bulan sekali |
| | **5.1.4** Mewujudkan mekanisme pemantauan dan pemeriksaan secara berkala. | GLC, Pejabat Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif GLC, Unit Audit Dalam | Setahun sekali |
| | **5.1.5** Melakukan semakan semula terhadap fungsi dan peranan ahli jawatankuasa penambahbaikan SOP sedia ada. | GLC, Pejabat Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif GLC, Unit Audit Dalam | Setahun sekali |
| | **5.1.6** Mewajibkan semua anak syarikat kerajaan mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM.* | GLC, Pejabat Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif GLC, Unit Audit Dalam | Suku keempat 2022 |
| Ketidakpatuhan kepada SOP perolehan organisasi. | **5.1.7** Melaksanakan kursus pemantapan tadbir urus SOP perolehan organisasi. | GLC, Pejabat Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif GLC, Unit Audit Dalam | Setahun sekali |

## Objektif Strategik 5.1

**Memastikan Pengamalan Ketelusan oleh Pihak yang Mengawal Entiti Korporat**

Bidang Keutamaan **TADBIR URUS KORPORAT**

**STRATEGI 5**
Memupuk Tadbir Urus yang baik dalam Entiti Korporat

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Tiada analisis kewangan / pelaburan kukuh atas sesuatu projek sebelum dilaburkan serta pemilihan rakan niaga/ penilaian kontraktor sedia ada | **5.1.8** Mewujudkan jawatankuasa penilaian dalaman untuk menilai *'Feasibility Study'* projek. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Suku kedua 2021 |
| | **5.1.9** Memastikan pemilihan ahli jawatankuasa pelaburan secara telus dan melepasi tahap ujian saringan integriti dan keselamatan. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setahun 2 kali |
| | **5.1.10** Mewujudkan polisi dan prosedur manual berkaitan proses Ketekunan Wajar *(Due Diligence).* | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Suku keempat 2021 |
| | **5.1.11** Menyediakan modul latihan serta menerbitkan buku dan risalah berkaitan pembudayaan governans, integriti dan antirasuah. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setiap suku tahun |
| | **5.1.12** Mengadakan kursus dan latihan untuk meningkatkan kompetensi kemahiran serta profesional *(Subject Matter Expert).* | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setahun 2 kali |
| Konflik kepentingan *(Conflict of Interest)* dalam pemilihan syarikat pelaburan | **5.1.13** Mewujudkan polisi dan prosedur manual berkaitan proses Ketekunan Wajar *(Due Diligence)* terhadap Konflik Kepentingan *(Conflict of Interest).* | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setahun 2 kali |
| | **5.1.14** Mengadakan program pembudayaan governans, integriti dan antirasuah. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setahun 2 kali |
| | **5.1.15** Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada pelaku. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| | **5.1.16** Memastikan pelaksanaan mekanisme pemantauan dan pemeriksaan secara berkala. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setiap 6 bulan sekali |
| | **5.1.17** Mewujudkan polisi dan garis panduan dalam proses pemilihan syarikat pelaburan. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Suku keempat 2021 |

Bidang Keutamaan **TADBIR URUS KORPORAT**

**STRATEGI 5**
Memupuk Tadbir Urus yang baik dalam Entiti Korporat

## Objektif Strategik 5.1

**Memastikan Pengamalan Ketelusan oleh Pihak yang Mengawal Entiti Korporat**

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Kegagalan dalam mengenal pasti anggota pekerja yang tidak kompeten semasa proses pengambilan dilaksanakan. | **5.1.18** Mengenal pasti profil Ahli Jawatankuasa pengambilan anggota pekerja yang mempunyai kemahiran, pengalaman dan profesional. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia, | Setiap kali lantikkan |
| | **5.1.19** Mewujudkan proses tapisan yang komprehensif dan inklusif terhadap prospek calon yang bakal dilantik. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia, | Suku kedua 2021 |
| Masih terdapat ketidaktelusan dalam proses pembuatan keputusan kenaikan pangkat. | **5.1.20** Memantapkan dan menambah baik SOP yang berkaitan dengan proses kenaikan pangkat. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia, | Suku kedua 2021 |
| | **5.1.21** Mengadakan kursus pengurusan governans, integriti dan antirasuah. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia, | Setahun 2 kali |
| | **5.1.22** Mengeluarkan surat arahan larangan penggunaan surat sokongan daripada pihak berkepentingan dan pengurusan tertinggi. | GLC, Pengurusan tertinggi | Suku kedua 2021 |

## Objektif Strategik 5.2

**Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah dalam Entiti Korporat**

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Tiada penambahbaikan dalam SOP terutama dalam aspek pemantauan dan penilaian projek-projek sedia ada. | **5.2.1** Mengadakan kursus bagi mempertingkatkan kompetensi pegawai dalam aspek pemantauan dan penilaian pengurusan projek. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia, | Setahun sekali |
| | **5.2.2** Menguatkuasakan pelaksanaan semakan dan penambahbaikan SOP pemantauan dan penilaian pengurusan projek. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia, | Setahun sekali |
| | **5.2.3** Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada pelaku. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia, | Berterusan |
| Masih wujud kes penipuan yang melibatkan pemalsuan penyediaan laporan terutama dalam kebolehupayaan sesuatu projek. | **5.2.4** Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada pelaku. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia, | Berterusan |
| | **5.2.5** Mewajibkan pelaksanaan sistem pengauditan yang komprehensif. | GLC, Unit Audit Dalam | Setahun sekali |
| | **5.2.6** Mengadakan kursus pencegahan dan kesedaran tentang penipuan, liabiliti korporat (Seksyen 17A SPRM) dan penyelewengan. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia, | Setahun 2 kali |

Bidang Keutamaan **TADBIR URUS KORPORAT**

## STRATEGI 5
Memupuk Tadbir Urus yang baik dalam Entiti Korporat

## Objektif Strategik 5.2
**Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah dalam Entiti Korporat**

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Penyelewengan / manipulasi dokumen tender / proposal projek. | 5.2.7 Melaksanakan mekanisme sistem pengauditan dan pematuhan SOP yang komprehensif terhadap dokumen tender dan proposal projek. | GLC, Unit Perolehan | Setahun sekali |
| | 5.2.8 Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada pelaku. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| Gagal dalam melaksanakan pemantauan terhadap pegawai yang bertanggungjawab (PIC) dalam sesuatu projek. | 5.2.9 Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada penyelia dan pelaku. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| | 5.2.10 Melaksanakan proses pemantauan yang lebih ketat dan komprehensif terhadap pegawai yang telah dipertanggungjawabkan. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| Melantik kontraktor dan pembekal tanpa melalui proses perolehan yang telah ditetapkan. | 5.2.11 Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada penyelia dan pelaku. | GLC, Unit Integriti, GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| | 5.2.12 Mewujudkan *Clean Business Agreement* antara kontraktor dan agensi/organisasi yang terlibat. | GLC, Unit Undang-undang | Berterusan |
| | 5.2.13 Mewajibkan kontraktor dan pembekal mengemukakan laporan audit kewangan syarikat untuk tempoh 6 bulan yang terkini. | GLC, Unit Perolehan | Suku kedua 2021 |
| Gagal mengambil tindakan terhadap penyembunyian salah laku dan penyelewengan. | 5.2.14 Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada penyelia dan pelaku. | GLC, Unit Integriti GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| | 5.2.15 Mengadakan kursus pencegahan dan kesedaran tentang penipuan, liabiliti korporat (Seksyen 17A SPRM) dan penyelewengan. | GLC, Unit Integriti GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setahun 2 kali |
| Campur tangan Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi dalam proses pembuatan keputusan; 1. Proses pengambilan anggota pekerja; 2. Proses kenaikan pangkat; 3. Proses pelantikan kontraktor dan pembekal; dan 4. Proses pengurusan pentadbiran organisasi | 5.2.16 Mengadakan kursus pencegahan dan kesedaran tentang penipuan, liabiliti korporat (Seksyen 17A SPRM) dan penyelewengan. | GLC, Unit Integriti GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setahun 2 kali |
| | 5.2.17 Mengeluarkan surat arahan larangan campur tangan dalam sebarang pembuatan keputusan dalam organisasi. | GLC | Suku kedua 2021 |

## Objektif Strategik 5.2

**Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah dalam Entiti Korporat**

Bidang Keutamaan **TADBIR URUS KORPORAT**

**STRATEGI 5** Memupuk Tadbir Urus yang baik dalam Entiti Korporat

| RISIKO | INISIATIF | UNIT/ BAHAGIAN PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| Masih wujud penyalahgunaan kuasa dan pembocoran maklumat;<br>1. Keputusan mesyuarat; dan<br>2. Maklumat sulit dan terperingkat | **5.2.18** Mengadakan kursus pencegahan dan kesedaran tentang penipuan, liabiliti korporat (Seksyen 17A SPRM) dan penyelewengan. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setahun 2 kali |
| | **5.2.19** Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada penyelia dan pelaku. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| Kegagalan mengambil tindakan susulan dan cadangan penambahbaikan hasil daripada teguran audit. | **5.2.20** Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada penyelia dan pelaku. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| Gagal dalam menguruskan dan memantau aset jabatan. | **5.2.21** Mengadakan kursus intensif pengurusan pemantauan aset jabatan. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Setahun sekali |
| | **5.2.22** Melaksanakan mekanisme pengauditan pengurusan aset yang komprehensif dan sistematik | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| | **5.2.23** Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada penyelia dan pelaku. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Jabatan Sumber Manusia | Berterusan |
| Gagal dalam mengenal pasti dan memantau spesifikasi kualiti kerja dan bekalan daripada pembekal sebelum proses pembayaran. | **5.2.24** Mewujudkan jawatankuasa khas pemantauan prestasi kualiti kerja dan bekalan sebelum proses pembayaran. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Bahagian Projek | Suku kedua 2021 |
| | **5.2.25** Membangunkan SOP proses pemantauan prestasi kerja pembekal dan kontraktor. | GLC, Unit Integriti<br>GLC, Unit kewangan | Suku kedua 2021 |

# BAB 4
# PEMATUHAN DAN TADBIR URUS

**01** **Koordinasi Pemantauan**
02 Mekanisme Pelaksanaan
**03** **Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian**

01.
# KOORDINASI **PEMANTAUAN**

Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 merupakan satu dokumen terbuka yang dibangunkan dan digubal bagi memastikan pelaksanaan pelan tindakan inisiatif yang menfokuskan kepada pemerkasaan governans, integriti dan antirasuah yang komprehensif dan inklusif bagi semua pemegang taruh termasuk Pentadbiran Awam Kerajaan Johor dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri Johor sebagai agensi pelaksana. Pelan ini juga bermatlamat untuk menyumbang kepada transformasi dan pembaharuan strategi memerangi penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah negeri Johor.

Menurut Panduan Mengenai Dasar Antirasuah oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCAP), proses mengkoordinasi dan memantau bertujuan untuk membantu organisasi meneroka pendekatan strategi baharu serta menambah baik pelan strategi sedia ada mengikut keperluan.

Dalam mengenal pasti kemajuan dan kejayaan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif akan dipantau dan dianalisis bagi melihat sejauh mana keberkesanan pelan inisiatif tersebut dalam memartabatkan pembudayaan nilai governans, integriti dan antirasuah. Secara tidak langsung juga dapat memerangi dan membanteras segala usaha penyalahgunaan kuasa dan jenayah rasuah. Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bertindak sebagai penyelaras dan koordinasi utama bagi memantau dan menilai semua output dan keberhasilan utama bagi setiap inisiatif yang dilakukan oleh agensi pelaksana di bawah kerajaan negeri Johor tercapai.

> **Koordinasi pemantauan dan penilaian JACP 2021-2025 adalah untuk mempertingkatkan komitmen, kebertanggungjawaban serta akauntabiliti semua pihak yang terlibat untuk membanteras jenayah rasuah**

Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor akan menjalinkan kerjasama yang erat dengan semua pemegang taruh termasuk Pentadbiran Awam Kerajaan Johor dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri Johor dan juga mengadakan mesyuarat Koordinasi Pemantauan yang melibatkan Pegawai Integriti Jabatan *(Desk Officer)* yang bertanggungjawab mengemukakan laporan prestasi kemajuan inisiatif dengan menggunakan format yang ditetapkan untuk mengemas kini perkembangan pelaksanaan bagi setiap suku tahun.

Ringkasnya, koordinasi pemantauan dan penilaian JACP 2021-2025 adalah untuk mempertingkatkan komitmen, kebertanggungjawaban serta akauntabiliti semua pihak yang terlibat untuk membanteras jenayah rasuah.

# 02. MEKANISME PELAKSANAAN

## STRUKTUR TADBIR URUS
### Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025

**Kerangka dasar dan strategi Pelan ini terhasil daripada sesi perbengkelan dan perbincangan strategik yang dijalankan bersama dengan pegawai-pegawai yang terdiri daripada pelbagai Jabatan / Unit / Bahagian di bawah Pentadbiran Awam Kerajaan Johor dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri Johor.**



# 03. MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

## PENYELARASAN

### PEMANTAUAN

- **Menjelaskan objektif program**
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif
- **Menterjemahkan objektif dalam indikator prestasi dan sasaran**
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)
- **Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh yang berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan**

### PENILAIAN

- **Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti**
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang hendak dicapai
- **Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang**
- Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan
- **Menanda aras aktiviti dan amalan terbaik**

# BAB RUMUSAN

# 5

# RUMUSAN

Pentadbiran Awam Kerajaan Johor mengorak langkah terus maju ke hadapan seiring dengan perkembangan semasa. Demi memastikan kualiti perkhidmatan awam yang terbaik dapat dilaksanakan, penjawat awam perlulah sentiasa memberikan khidmat yang setanding dengan pembangunan dan kemajuan negeri Johor. Peranan penjawat awam sangat besar dan perlu dipikul bagi menggalas tanggungjawab dengan penuh amanah, dedikasi dan berintegriti. Ia bertujuan agar warganya bebas daripada gejala dan unsur negatif seperti rasuah dan sebagainya yang boleh mejejaskan mutu dan kualiti perkhidmatan awam.

Memerangi rasuah merupakan agenda utama dan tangunggjawab semua pihak bagi mengekang dan memerangi rantaian rasuah daripada terus berlaku. Malaysia perlu dikenali kerana integriti dan bukannya kerana rasuah. Oleh yang demikian, dalam menghadapi cabaran globalisasi dan senario politik yang tidak menentu, kerajaan perlu menetapkan hala tujunya melalui pembangunan suatu strategi bersepadu dan menyeluruh dalam usaha untuk memerangi rasuah.

Penyediaan Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 merupakan komitmen jitu dan tidak berbelah bahagi dalam mendokong dasar antirasuah kerajaan. Pengenalpastian risiko, analisis senario dan penetapan inisiatif mengikut strategi merupakan usaha padu semua pihak berkepentingan dan pelaksana yang yakin dan percaya negeri Johor akan menjadi negeri yang bersih dan bebas daripada rasuah serta diteladani seluruh Malaysia.

Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor sebagai sekretariat penyelaras utama akan memastikan pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam pelan ini berjalan mengikut sasaran yang ditetapkan. Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira maklum balas, nasihat, panduan daripada pelbagai pihak agar pelan ini sentiasa relevan dalam membanteras rasuah.

> **"Memerangi rasuah merupakan agenda utama dan tangunggjawab semua pihak bagi mengekang dan memerangi rantaian rasuah daripada terus berlaku."**

SESI PERBINCANGAN BERKAITAN INISIATIF DI BAWAH

# PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019 - 2023

DAN MENGENAI ISU

## PELANGGARAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN PELAKUAN RASUAH

DALAM PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BERSAMA DENGAN

## TAN SRI ABU KASSIM BIN MOHAMMED

Tarikh : 29 April 2019 (Isnin)
Tempat : Bangunan Perdana Putra, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya










SESI KETERLIBATAN PEMEGANG TARUH

# BENGKEL PENYEDIAAN PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP) 2021 - 2025

Tarikh : 24 - 27 November 2019

Tempat : Hotel Grand Paragon, Johor Bahru, Johor













PELAN ANTIRASUAH ‹2021-2025› KERAJAAN JOHOR

PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR 2021-2025

**SESI KETERLIBATAN PEMEGANG TARUH**

# BENGKEL PENYEDIAAN PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP) 2021 - 2025

Tarikh : 24 - 27 November 2019
Tempat : Hotel Grand Paragon, Johor Bahru, Johor












# MAJLIS APRESIASI JUARA **ANTIRASUAH**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah menerima anugerah ***Malaysian Anti Corruption Champion Award (MACCA)*** anjuran Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah Malaysia (ACeIO) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dalam Majlis Apresiasi Juara Antirasuah (MAJAR)

Tarikh : 09 Disember 2019
Tempat : Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya








# BENGKEL PENYEMAKAN DRAF PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP) 2021 - 2025

Tarikh : 23 - 25 Februari 2020

Tempat : Lotus Desaru Beach Resort, Kota Tinggi, Johor












# SESI SEMAKAN DRAF PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP) 2021 - 2025

BERSAMA PIHAK

## DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA NEGERI JOHOR

Tarikh : 05 Ogos 2020

Tempat : Bangunan Dato' Jaafar Mohammad, Kota Iskandar





# PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

## YBM TUNKU ZAHRAH BINTI TUNKU OSMAN

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada jabatan / agensi seperti di bawah dalam membantu bagi memberikan input, analisis dan sokongan yang padu :

1. Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
2. Pejabat Menteri Besar Johor
3. Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor
4. Jabatan Mahkamah Syariah Negeri Johor
5. Pejabat Tanah dan Galian Johor
6. Jabatan Agama Islam Negeri Johor
7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor
8. Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor
9. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor
10. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Khidmat Pengurusan
11. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan
12. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
13. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan
14. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat
15. Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ)
16. Tourism Johor
17. Majlis Sukan Negeri Johor
18. Jabatan Landskap Negeri Johor
19. Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim
20. Perbadanan Taman Negara Negeri Johor
21. Yayasan Warisan Johor
22. Pusat Pelaburan Negeri Johor
23. Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
24. Unit Korporat dan Kualiti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
25. Unit Pengurusan SSI, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
26. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor
27. Jabatan Kerja Raya Negeri Johor
28. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor
29. Jabatan Perancang Bandar dan Desa
30. Jabatan Perhutanan Negeri Johor
31. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
32. Pejabat Daerah Johor Bahru
33. Pejabat Daerah Muar
34. Pejabat Daerah Kluang
35. Pejabat Daerah Kota Tinggi
36. Pejabat Daerah Tangkak
37. Pejabat Daerah Kulai
38. Pejabat Daerah Batu Pahat
39. Pejabat Daerah Mersing
40. Pejabat Daerah Pontian
41. Pejabat Daerah Segamat
42. Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru
43. Pejabat Tanah Daerah Muar
44. Pejabat Tanah Daerah Kluang
45. Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi
46. Pejabat Tanah Daerah Tangkak
47. Pejabat Tanah Daerah Kulai
48. Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat
49. Pejabat Tanah Daerah Mersing
50. Pejabat Tanah Daerah Pontian
51. Pejabat Tanah Daerah Segamat
52. Majlis Bandaraya Johor Bahru
53. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
54. Majlis Perbandaran Muar
55. Majlis Perbandaran Pasir Gudang
56. Majlis Perbandaran Batu Pahat
57. Majlis Perbandaran Kulai
58. Majlis Perbandaran Kluang
59. Majlis Perbandaran Segamat
60. Majlis Daerah Kota Tinggi
61. Majlis Daerah Pontian
62. Majlis Daerah Mersing
63. Majlis Daerah Tangkak
64. Majlis Perbandaran Pengerang
65. Yayasan Pelajaran Johor
66. Johor Corporation (JCorp)
67. Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (EDC)
68. Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (JBiotech)
69. Perbadanan Islam Johor (PIJ)
70. PIJ Holdings Sdn. Bhd. (PIJH)
71. Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ)
72. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)
73. Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ)
74. YPJ Holdings
75. Permodalan Darul Ta'zim
76. Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor
77. Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi
78. Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia
79. Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
80. Pejabat Pengerusi Jawatankuasa, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
81. Dewan Bahasa dan Pustaka, Wilayah Selatan
82. Insitut Integriti Malaysia

# PASUKAN PENYUNTING

## PENASIHAT

**YB Dato' Haji Azmi bin Rohani**
Setiausaha Kerajaan Johor

## TIMBALAN PENASIHAT

**YB Dato' Haji Mohd Noh bin Ibrahim**
Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor
Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

## JURU RUNDING PELAN ANTIRASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP)

**Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun**
Pengurus Besar Kanan, Bahagian Operasi
Institut Integriti Malaysia (IIM)

## KETUA PASUKAN PENYUNTING

**Encik Mohd Ezzuddin bin Sanusi**
Ketua Unit Integriti
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

## PASUKAN PENYUNTING

Encik Mohd Amin bin Kadiman
Encik Mohammad Fadzil bin Abu Samah
Encik Razid bin Sahran
Puan Rafidah binti Dato' Mahat
Puan Zainon binti Jembari
Cik Nur Liyana binti Mohd Jonid

# PEMAKLUMAN

Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 ini ialah kerangka pelan tindakan inisiatif yang komprehensif dalam usaha menangani penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah. Malah JACP 2021-2025 ini juga berperanan dalam memperkasakan pengamalan dan pembudayaan nilai-nilai governans, integriti dan antirasuah terutama dalam Pentadbiran Awam Kerajaan Johor dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri Johor.

Sehubungan dengan itu, JACP 2021-2025 bukanlah satu pelan tindakan keramat malah ia juga boleh disemak dan ditambah baik dalam usaha memartabatkan pelaksanaan pembudayaan nilai-nilai integriti dan etika. Oleh hal yang demikian, semua Pentadbiran Awam Kerajaan Johor dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri Johor boleh melakukan penambahbaikan dalam pelan tindakan inisiatif yang bersesuaian seperti mana termaktub dalam JACP 2021-2025.

# PELAN ANTI RASUAH KERAJAAN JOHOR (JACP) 2021 - 2025

Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 yang julung kalinya dibangunkan ini bertujuan untuk memerangi gejala rasuah dan meningkatkan tadbir urus Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Tadbir urus yang baik akan mampu menampung perubahan dari segi sosial, ekonomi dan politik kerajaan Johor. Perkhidmatan Awam Negeri Johor juga mampu mencapai tahap segala bentuk kejayaan jika semua pihak mampu melaksanakan tadbir urus yang cekap dan penuh berintegriti. Sebaliknya sesebuah jabatan akan gagal mencapai matlamat itu jika lemah dalam menguruskan tadbir urus. Kegagalan Ini mampu mengakibatkan berlakunya faktor yang mengarah kepada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa serta perkara yang menyalahi integriti.

9 789832 627296